



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA

SIRI 8 | 2025



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA

SIRI 8 | 2025

Pemakluman:

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

Diterbitkan dan dicetak oleh:

Jabatan Perangkaan Malaysia

Blok C6 &C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel.	: 03-8885 7000
Faks	: 03-8888 9248
Portal	: https://www.dosm.gov.my
Facebook / X / Instagram	: StatsMalaysia
Emel	: info@dosm.gov.my data@dosm.gov.my

Diterbitkan pada Ogos 2025.

Hakcipta terpelihara.

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”.

eISSN 3093-8007

02	TINTA KETUA PERANGKAWAN	
04	SOROTAN PENTING	
06	INDIKATOR EKONOMI UTAMA	
08	PERSPEKTIF KESELURUHAN	
13	RENCANA	
19	SNAPSHOT	
20	PERTANIAN	33
26	INDUSTRI DAN PEMBUATAN	40
30	PERKHIDMATAN	46
		51
		53
		67
		68
		SEKTOR LUARAN
		SENARIO BURUH
		HARGA
		WAY FORWARD
		INDIKATOR EKONOMI
		AHLI MESR
		PENGHARGAAN

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.

Dengan berbesar hati saya memperkenalkan Edisi Kelapan Malaysian Economic Statistics Review (MESR) bagi tahun 2025. Penerbitan ini kekal sebagai rujukan utama dalam memahami ekonomi Malaysia yang terus berkembang, dengan menawarkan pandangan naratif, perspektif baharu serta analisis semasa yang amat penting bagi pembuat dasar, pemimpin industri dan pengguna data. Saya ingin merakamkan penghargaan setinggi-tingginya kepada pasukan dedikasi di Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) yang kepakaran dan komitmen mereka terus mengekalkan kualiti serta integriti penerbitan ini.

Edisi kali ini menekankan prestasi ekonomi Malaysia pada suku kedua (ST2) tahun 2025, dengan sorotan terpilih bagi bulan Jun 2025. Antara ciri utama edisi ini ialah artikel bertajuk “Experimental Measurement of Sustainable Tourism in Malaysia” yang menyediakan anggaran perintis mengenai impak alam sekitar terhadap pelancongan. Pelancongan, meskipun menjadi pemacu pertumbuhan ekonomi, turut memberi cabaran kepada sumber semula jadi. Penemuan ini menegaskan kepentingan untuk mengintegrasikan kelestarian dalam dasar dan amalan industri agar pertumbuhan masa hadapan tidak dicapai dengan mengorbankan kesejahteraan alam sekitar.

Di peringkat global, tahun 2025 menyaksikan ketahanan ekonomi dunia di sebalik ketegangan perdagangan dan risiko geopolitik. Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) menjangkakan pertumbuhan global sebanyak 3.0 peratus, sekali gus menekankan keperluan bagi Malaysia untuk memperkukuh daya tahannya melalui kepelbagaian, permintaan domestik yang kukuh serta strategi berasaskan produktiviti.

Seiring dengan pertumbuhan global, ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 4.4 peratus pada ST2 2025, disokong oleh penggunaan domestik, pelaburan dan prestasi kukuh sektor Perkhidmatan. Perkembangan ini mencerminkan ketahanan ekonomi domestik di samping keperluan untuk beralih kepada aktiviti bernilai tambah tinggi serta mengutamakan inovasi bagi meningkatkan daya saing jangka panjang.

Kadar inflasi menurun kepada 1.1 peratus pada Jun 2025, sekali gus mengurangkan tekanan ke atas isi rumah, khususnya dalam perbelanjaan asas seperti makanan, pengangkutan dan perkhidmatan. Mengekalkan kestabilan harga sambil menyokong kuasa beli isi rumah akan menjadi faktor penting bagi memastikan pertumbuhan ekonomi membawa manfaat nyata kepada rakyat.

Pasaran buruh kekal berdaya tahan, dengan bilangan jawatan meningkat sebanyak 1.6 peratus kepada 9.10 juta pekerjaan manakala kadar pengangguran kekal stabil pada 3.0 peratus. Kestabilan ini meningkatkan keyakinan, di samping menegaskan keperluan bagi Malaysia membangunkan tenaga kerja yang dilengkapi kemahiran serta daya adaptasi untuk menghadapi ekonomi digital dan berasaskan pengetahuan yang semakin pesat.

Melangkah ke hadapan, cabaran Malaysia bukan sahaja untuk mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi tetapi juga memastikan kemajuan dapat dinikmati oleh semua segmen masyarakat. Ekonomi telah menunjukkan ketahanan, namun usaha berterusan perlu dipergiat untuk memperkukuh produktiviti, membangunkan tenaga kerja berkemahiran serta mengintegrasikan kelestarian dalam strategi masa depan. Keutamaan ini akan menjadi kunci dalam menjamin pertumbuhan yang mampan, seimbang dan bermakna buat negara.

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia julung kalinya berjaya menduduki tempat pertama di peringkat global dalam laporan dwitahunan. Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW) dengan mengatasi 198 buah negara yang lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema ‘Statistik Nadi Kehidupan.’ Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema ‘Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone’.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Diterbitkan oleh

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN
Ketua Perangkawan Malaysia
Jabatan Perangkaan Malaysia

OGOS 2025

Menurut *World Economic Outlook* yang diterbitkan pada Julai 2025, *International Monetary Fund* (IMF) mengunjurkan ekonomi global berkembang kepada 3.0 peratus pada tahun 2025 dan 3.1 peratus pada tahun 2026. Bagi negara maju, pertumbuhan dijangka pada kadar 1.5 peratus pada tahun 2025 dan 1.6 peratus pada tahun 2026. Bagi negara membangun dan pasaran baru muncul, pertumbuhan diunjur mencapai 4.1 peratus pada tahun 2025 sebelum sedikit mereda kepada 4.0 peratus pada tahun 2026.

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia berkembang sebanyak 4.4 peratus pada suku kedua 2025, iaitu kadar yang sama seperti suku tahun sebelumnya, dengan pertumbuhan terlaras secara musim pada 2.1 peratus. Secara keseluruhan, ekonomi berkembang 4.4 peratus pada separuh pertama tahun 2025 berbanding 5.0 peratus pada tempoh yang sama tahun lalu. Pertumbuhan ini dipacu terutamanya oleh sektor Perkhidmatan dari aspek penawaran, manakala dari aspek permintaan disokong oleh perbelanjaan penggunaan akhir swasta dan pelaburan.

Dalam sektor pertanian, pengeluaran Getah asli menurun 14.1 peratus tahun ke tahun kepada 25,679 tan pada Jun 2025 (Jun 2024: 29,881 tan), namun mencatatkan peningkatan 5.9 peratus bulan ke bulan (Mei 2025: 24,256 tan). Pengeluaran buah tandan segar kelapa sawit berkurangan 2.5 peratus tahun ke tahun kepada 9.29 juta tan pada Julai 2025 (Julai 2024: 9,525,968 tan), manakala menunjukkan peningkatan 5.7 peratus bulan ke bulan (Jun 2025: 8,793,681 tan).

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) Malaysia meningkat 3.0 peratus tahun ke tahun pada Jun 2025, dipacu oleh pengeluaran yang lebih kukuh dalam Pembuatan (+3.6%) dan Elektrik (+4.1%), manakala Perlombongan mencatat -0.01 peratus selepas penyusutan ketara pada Mei. Secara bulan ke bulan, IPP melonjak 7.6 peratus, memperlihatkan momentum yang lebih baik merentasi sektor. Bagi suku kedua 2025, IPP meningkat 2.0 peratus (ST1 2025: 2.3%), dan secara keseluruhan bagi separuh pertama tahun 2025, ia meningkat 2.2 peratus berbanding 3.7 peratus dalam tempoh yang sama tahun lalu.

Pada masa yang sama, nilai jualan sektor Pembuatan Malaysia bertambah 3.3 peratus tahun ke tahun pada Jun 2025 (Mei 2025: 2.4%), mencecah RM161.2 bilion berbanding RM158.6 bilion pada bulan sebelum. Pertumbuhan ini disokong oleh subsektor Makanan, minuman & tembakau, yang mencatat peningkatan dua angka 14.7 peratus, di samping sumbangan positif daripada produk Elektrik & elektronik (+4.5%) serta produk Mineral bukan logam, logam asas & logam yang direka (+3.0%). Berbanding bulan sebelumnya, nilai jualan meningkat sebanyak 1.6 peratus. Bagi suku kedua 2025, nilai jualan meningkat 3.4 peratus (ST1 2025: 4.0%) kepada RM480.2 bilion, manakala bagi separuh pertama 2025, nilai jualan mencecah RM955.8 bilion, meningkat 3.7 peratus berbanding tempoh yang sama pada 2024.

Pada suku kedua 2025, Indeks Volum Perkhidmatan meningkat 5.1 peratus tahun ke tahun kepada 159.9 mata. Peningkatan ini didorong oleh segmen Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman serta penginapan yang berkembang 5.0 peratus. Segmen Perkhidmatan perniagaan & kewangan meningkat 4.2 peratus, manakala segmen Maklumat & komunikasi serta pengangkutan & penyimpanan masing-masing mencatat pertumbuhan 5.4 peratus. Secara suku tahunan, indeks merekodkan peningkatan yang sederhana 1.1 peratus.

Inflasi Malaysia mereda kepada 1.1 peratus pada Jun 2025 berbanding 1.2 peratus pada Mei 2025. Kadar inflasi bagi Restoran & Perkhidmatan Penginapan berada pada 2.8 peratus (Mei 2025: 3.0%), manakala Makanan & minuman kekal pada 2.1 peratus, dan Perabot, Peralatan Isi Rumah & Penyelenggaraan Isi Rumah Rutin menunjukkan peningkatan yang lebih perlahan iaitu 0.1 peratus (Mei 2025: 0.2%). Sementara itu, terdapat sebahagian kumpulan yang merekodkan peningkatan lebih tinggi, seperti Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan pada 4.2 peratus (Mei 2025: 3.7%). Bagi suku kedua 2025, inflasi dicatatkan 1.3 peratus tahun ke tahun, lebih rendah berbanding 1.5 peratus yang direkodkan pada ST1 2025.

Sementara itu, Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Malaysia bagi Pengeluaran Tempatan menurun 4.2 peratus pada Jun 2025, berikutan penurunan 3.6 peratus pada Mei 2025. Semua sektor utama mencatatkan penguncupan tahun ke tahun, disumbang oleh Perlombongan (-8.0%), Pembuatan (-4.3%) serta sedikit penurunan dalam sektor Pertanian, Perhutanan & Perikanan (-0.3%), manakala Bekalan Elektrik & Gas dan Bekalan Air masing-masing merekodkan penurunan kecil 0.2 peratus. Bagi suku kedua 2025, IHPR menguncup 3.7 peratus (ST1 2025: -0.3%), dipengaruhi oleh penurunan ketara dalam sektor Perlombongan (-13.7%) dan Pembuatan (-3.4%), manakala Pertanian, Perhutanan & Perikanan (+1.4%) serta Bekalan Air (+0.2%) mencatat pertumbuhan marginal.

Dari segi perdagangan antarabangsa, Imbangan Akaun Semasa (CAB) Malaysia mencatatkan lebih yang lebih rendah RM0.3 bilion pada ST2 2025, berbanding RM4.3 bilion pada suku yang sama tahun sebelumnya, dipacu oleh eksport bersih barangan.

Pelaburan Langsung Asing (FDI) merekodkan aliran masuk bersih yang lebih rendah RM1.6 bilion (ST2 2024: RM9.6 bilion), dengan sebahagian besarnya disalurkan ke sektor Perkhidmatan. Sementara itu, Pelaburan Langsung di Luar Negeri (DIA) mencatatkan aliran masuk bersih RM0.6 bilion, berbanding aliran keluar bersih RM0.9 bilion pada suku yang sama tahun lalu, dengan pelaburan tertumpu kepada sektor Pembuatan dan Perkhidmatan.

Sebaliknya, jumlah perdagangan barangan Malaysia berkembang 6.1 peratus tahun ke tahun kepada RM749.2 bilion pada suku kedua tahun 2025. Eksport meningkat 3.4 peratus kepada RM381.8 bilion, manakala import melonjak 9.0 peratus kepada RM367.4 bilion, sekali gus mencatat lebih perdagangan RM14.4 bilion, menyebabkan penurunan yang ketara 55.3 peratus berbanding suku yang sama tahun lalu. Pada Julai 2025, prestasi perdagangan terus mengukuh, dengan jumlah perdagangan meningkat 3.8 peratus tahun ke tahun kepada RM265.9 bilion, dipacu oleh eksport RM140.4 bilion (+6.8%) dan import RM125.5 bilion (+0.6%). Justeru, lebih perdagangan meningkat lebih dua kali ganda kepada RM15.0 bilion, iaitu yang tertinggi direkodkan pada tahun 2025.


Pada suku kedua tahun 2025, guna tenaga Malaysia meningkat 2.7 peratus tahun ke tahun kepada 17.37 juta orang, dengan kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) meningkat secara perlahan kepada 70.8 peratus. Bilangan tenaga buruh bertambah 2.9 peratus kepada 16.85 juta orang, sekali gus meningkatkan nisbah guna tenaga kepada penduduk kepada 68.7 peratus. Pada masa yang sama, pengangguran menurun 4.4 peratus kepada 520.9 ribu orang, menjadikan kadar pengangguran susut kepada 3.0 peratus.

Kadar pertumbuhan tahunan Indeks Pelopor (IP) mencatatkan penurunan marginal 0.2 peratus pada Jun 2025, mencatatkan 113.4 mata. Penurunan ini mencerminkan penyusutan dalam empat daripada tujuh komponen, dengan penurunan paling ketara dilihat dalam Import Benar Logam Asas Berharga & Logam Bukan Ferus Lain (-27.4%). Meneliti arah aliran jangka panjang terlicin pada Jun 2025, IP kekal berada di bawah 100.0 mata, menjangkakan momentum ekonomi yang mereda. Prospek ini disokong oleh asas domestik yang kukuh namun dipengaruhi oleh cabaran luaran.

INDIKATOR EKONOMI UTAMA


Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)

4.4%
ST2 2025




Kadar Pengangguran

3.0%
ST2 2025




Pengeluaran Buah Tandan Segar

5.5%
ST2 2025




Pengeluaran Getah Asli

-11.5%
ST2 2025




Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)

2.0%
ST2 2025



Nilai Jualan Sektor Pembuatan

3.4%
ST2 2025




Nota:

- 1) Kadar pengangguran adalah perkadaran bilangan penganggur kepada jumlah tenaga buruh, dalam peratus.
- 2) Indikator selebihnya dinyatakan dalam peratus perubahan tahun ke tahun


Indeks Volum Perkhidmatan

5.0%
ST2 2025




Indeks Volum Perdagangan Borong & Runcit

4.3%
ST2 2025




Eksport

3.4%
ST2 2025




Import

9.0%
ST1 2025




Indeks Harga Pengguna (IHP)

1.3%
ST2 2025



Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan

-3.7%
ST2 2025



Nota:

- 1) Kadar pengangguran adalah perkadaran bilangan penganggur kepada jumlah tenaga buruh, dalam peratus.
- 2) Indikator selebihnya dinyatakan dalam peratus perubahan tahun ke tahun

PERSPEKTIF KESELURUHAN

Ekonomi Dunia

International Monetary Fund (IMF) menerusi Laporan *World Economic Outlook* yang diterbitkan pada Julai 2025 mengunjurkan ekonomi global akan berkembang 3.0 peratus pada tahun 2025 dan 3.1 peratus pada tahun 2026. Pertumbuhan ini dipacu oleh peningkatan dalam kalangan ekonomi maju yang diunjurkan berkembang 1.5 peratus pada tahun 2025 (dengan unjuran 1.6% pada tahun 2026) serta Pasaran Baharu Muncul dan Ekonomi Membangun (EMDE) yang diramalkan meningkat 4.1 peratus pada tahun 2025 (unjuran 2026: 4.0%).

Berdasarkan anggaran awalan, ekonomi Amerika Syarikat berkembang 3.0 peratus tahun ke tahun pada suku tahun kedua 2025, berbanding penyusutan 0.5 peratus pada suku tahun sebelumnya. Peningkatan ini terutamanya mencerminkan penurunan dalam import dan pertumbuhan perbelanjaan pengguna dalam kedua-dua barangan serta perkhidmatan. Penyumbang utama dalam barangan ialah kenderaan bermotor dan alat ganti serta barangan tidak tahan lama yang lain. Manakala perbelanjaan pengguna dalam perkhidmatan disokong oleh Penjagaan Kesihatan, Perkhidmatan Makanan dan Penginapan serta Perkhidmatan Kewangan & Insurans.

Ekonomi United Kingdom berkembang 0.3 peratus pada suku kedua tahun 2025 berbanding 0.7 peratus pada suku tahun sebelumnya. Dari segi prestasi sektoral, sektor Perkhidmatan berkembang 0.4 peratus (ST1 2025: 0.7%), disokong oleh pertumbuhan dalam subsektor Maklumat & Komunikasi yang meningkat 2.0 peratus serta kesihatan manusia & kerja sosial yang meningkat 1.1 peratus. Sektor Pengeluaran menyusut 0.3 peratus (ST1 2025: 1.3%) dipengaruhi oleh penurunan dalam subsektor Bekalan Elektrik, Gas, Wap dan Penyaman Udara serta subsektor Perlombongan & pengkuarian. Sebaliknya, sektor Pembuatan meningkat 0.3 peratus, didorong oleh Produk Farmaseutikal dan Pembuatan jentera dan peralatan. Manakala sektor Pembinaan meningkat 1.2 peratus (ST1 2025: 0.3%), disokong oleh peningkatan output dalam kerja baharu serta aktiviti Pembaikan dan penyelenggaraan.

Ekonomi Thailand meningkat perlahan 2.8 peratus pada suku kedua tahun 2025 (ST1 2025: 3.2%). Peningkatan perlahan ekonomi negara ini dipengaruhi oleh sektor Perkhidmatan yang menyederhana kepada 3.5 peratus (ST1 2025: 4.1%), didorong oleh subsektor berkaitan pelancongan seperti Penginapan dan Perkhidmatan makanan serta Pengangkutan dan Penyimpanan. Namun begitu, sektor Pertanian meningkat 6.0 peratus disumbangkan oleh peningkatan dalam pengeluaran buah-buahan.

Sementara itu, ekonomi Indonesia meningkat 4.04 peratus pada suku kedua tahun 2025, didorong oleh peningkatan dalam semua industri iaitu Pertanian, perhutanan dan perikanan (13.53%), Pengangkutan dan penyimpanan (6.58%) serta aktiviti Penginapan dan perkhidmatan makanan (6.43%). Sementara itu, sektor Pembuatan serta subsektor Perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal yang memberi sumbangan dominan kepada ekonomi Indoensia, masing-masing berkembang sebanyak 1.38 peratus dan 3.12 peratus. Dari segi perbelanjaan, semua komponen menunjukkan peningkatan terutamanya Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan am yang merekodkan pertumbuhan tertinggi sebanyak 21.05 peratus.

Ekonomi Malaysia

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia meningkat 4.4 peratus pada suku tahun kedua 2025, mengekalkan kadar pertumbuhan yang sama seperti yang direkodkan pada suku tahun sebelumnya. Bagi terma pelarasan musim, ekonomi bertumbuh 2.1 peratus (ST1 2025: 0.7%). Oleh itu, ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 4.4 peratus bagi separuh tahun pertama 2025 berbanding 5.0 peratus dalam tempoh yang sama pada tahun 2024, seperti yang ditunjukkan di **Jadual 1**.

Dari segi penawaran, sektor Perkhidmatan kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi pada suku tahun ini dengan semua sektor lain merekodkan pertumbuhan positif kecuali sektor Perlombongan dan pengkuarian. Dari segi permintaan, pertumbuhan dipacu oleh Perbelanjaan penggunaan akhir swasta dan Pembentukan modal tetap kasar.

Jadual 1: Perubahan Peratusan Tahunan (%) KDNK Malaysia mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, 2023 – 2024 dan ST1 2024 – ST2 2025

Jenis Aktiviti Ekonomi	2023	2024	2024				2025		1H 2024	1H 2025
			ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2		
Perkhidmatan	5.1	5.3	4.8	5.9	5.2	5.5	5.0	5.1	5.3	5.0
Pembuatan	0.7	4.2	2.1	4.7	5.6	4.2	4.1	3.7	3.4	3.9
Pertanian	0.2	3.1	1.9	7.6	3.6	-0.7	0.7	2.1	4.8	1.4
Perlombongan dan pengkuarian	0.5	0.9	4.3	2.7	-2.8	-0.7	-2.7	-5.2	3.6	-3.9
Pembinaan	6.0	17.5	11.9	17.2	20.0	20.7	14.2	12.1	14.5	13.1
KDNK	3.5	5.1	4.2	5.9	5.4	4.9	4.4	4.4	5.0	4.4

Nota: 1H merujuk kepada separuh tahun pertama

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor Perkhidmatan bertumbuh 5.1 peratus berbanding 5.0 peratus yang direkodkan pada suku tahun pertama 2025. Bagi terma pelarasan musim, sektor ini meningkat 2.3 peratus (ST1 2025: 0.7%). Prestasi sektor ini dipacu oleh peningkatan dalam subsektor Perdagangan borong & runcit yang bertumbuh 4.3 peratus (ST1 2025: 4.3%), disokong terutamanya oleh segmen perdagangan borong dan runcit. Selain itu, subsektor Pengangkutan & penyimpanan dan Makanan & minuman dan penginapan masing-masing mencatatkan pertumbuhan 8.6 peratus (ST1 2025: 9.5%) dan 9.0 peratus (ST1 2025: 7.8%).

Sektor Pembuatan bertumbuh 3.7 peratus berbanding 4.1 peratus pada suku tahun sebelumnya. Bagi terma pelarasan musim, sektor ini meningkat 2.1 peratus (ST1 2025: 1.4%). Prestasi ini disokong oleh Produk elektrik, elektronik dan optikal yang meningkat 7.3 peratus (ST1 2025: 7.8%), diikuti oleh Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan sebanyak 11.8 peratus (ST1 2025: 9.2%) dan Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka sebanyak 3.8 peratus (ST1 2025: 3.6%). Sebaliknya, Produk tekstil, pakaian dan kulit; Produk petroleum, kimia getah & plastik; dan Peralatan pengangkutan, pembuatan lain & pembaikan menunjukkan penurunan pada suku tahun ini.

Sektor Pertanian meningkat 2.1 peratus daripada 0.7 peratus pada suku tahun pertama 2025. Selain itu, sektor ini mencatatkan pertumbuhan 4.0 peratus (ST1 2025: 1.2%) bagi terma pelarasan musim. Pertumbuhan ini dipengaruhi oleh subsektor Kelapa sawit yang pulih 5.3 peratus (ST1 2025: -3.1%), diikuti Pertanian lain yang bertumbuh 2.0 peratus (ST1 2025: 2.2%) dan Ternakan sebanyak 1.5 peratus (ST1 2025: 2.5%). Sebaliknya, subsektor Getah, Perhutanan & pembalakan, Perikanan laut dan Akuakultur menunjukkan penyusutan pada suku tahun ini.

Sektor Perlombongan dan pengkuarian terus merosot dengan penyusutan sebanyak 5.2 peratus (ST1 2025: -2.7%). Bagi terma pelarasan musim, sektor ini menyusut 5.5 peratus (ST1 2025: -1.9%). Prestasi lemah dalam sektor ini disebabkan oleh penurunan dalam Gas asli sebanyak 8.1 peratus (ST1 2025: -2.2%), diikuti oleh Minyak mentah & kondensat yang merosot 1.6 peratus (ST1 2025: -4.6%) serta Perlombongan lain & pengkuarian dan perkhidmatan sokongan yang menyusut 2.9 peratus (ST1 2025: 1.5%) pada suku tahun ini.

Sektor Pembinaan berkembang 12.1 peratus berbanding 14.2 peratus yang dicatatkan pada suku tahun sebelumnya. Bagi terma pelarasan musim, sektor ini meningkat 5.2 peratus (ST1 2025: 1.1%). Pertumbuhan bagi sektor ini didorong oleh prestasi kukuh dalam semua segmen, terutamanya Bangunan bukan kediaman yang mencatatkan pertumbuhan dua digit 17.0 peratus (ST1 2025: 21.4%), diikuti oleh Aktiviti pembinaan pertukangan khas yang meningkat 10.6 peratus (ST1 2025: 17.2%). Selain itu, Kejuruteraan awam juga merekodkan pertumbuhan kukuh 9.4 peratus (ST1 2025: 5.2%), manakala Bangunan kediaman bertumbuh 12.2 peratus (ST1 2025: 16.6%).

Beralih kepada permintaan ekonomi, Perbelanjaan penggunaan akhir swasta bertumbuh 5.3 peratus (ST1 2025: 5.0%) pada suku tahun kedua 2025. Prestasi ini didorong oleh peningkatan penggunaan bagi Restoran & hotel, Pengangkutan dan Makanan & minuman bukan alkohol. Bagi terma pelarasan musim, Perbelanjaan penggunaan akhir swasta meningkat 2.1 peratus (ST1 2025: 1.5%).

PERSPEKTIF KESELURUHAN

Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan bertumbuh 6.4 peratus berbanding 4.3 peratus pada suku tahun pertama 2025, dipengaruhi oleh peningkatan perbelanjaan ke atas bekalan dan perkhidmatan. Bagi terma pelarasan musim, Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan meningkat 1.4 peratus (ST1 2025: 0.1%).

Sementara itu, Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) berkembang 12.1 peratus berbanding 9.7 peratus yang direkodkan pada suku tahun sebelumnya. Bagi terma pelarasan musim, PMTK meningkat 6.5 peratus (ST1 2025: 0.8%) pada suku tahun ini. Prestasi PMTK dipengaruhi oleh pelaburan kukuh dalam jentera & peralatan dan Struktur yang masing-masing berkembang 16.6 peratus (ST1 2025: 5.4%) dan 10.5 peratus (ST1 2025: 13.4%). Selain itu, Aset lain merekodkan pertumbuhan marginal 0.3 peratus berbanding 7.2 peratus pada suku tahun sebelumnya. Bagi PMTK mengikut sektor, sektor Swasta meningkat 11.8 peratus (ST1 2025: 9.2%). Sementara itu, PMTK bagi sektor Awam turut menunjukkan trend peningkatan yang sama, mencatatkan pertumbuhan 13.6 peratus berbanding 11.6 peratus pada suku tahun sebelumnya.

Bagi sektor luaran, Import meningkat 6.6 peratus (ST1 2025: 3.1%) disebabkan oleh permintaan yang lebih tinggi dalam barangan modal, sementara Eksport bertumbuh lebih perlahan sebanyak 2.6 peratus (ST1 2025: 4.1%). Ini menjadikan Eksport bersih menyusut ketara 72.6 peratus. Bagi terma pelarasan musim, Eksport mencatatkan pertumbuhan marginal 0.5 peratus (ST1 2025: 1.1%), manakala Import meningkat 6.6 peratus (ST1 2025: -0.5%) pada suku tahun ini.


Jadual 2: Perubahan Peratusan Tahunan (%) KDNK Malaysia mengikut Jenis Perbelanjaan, 2023 - 2024 dan ST1 2024 - ST2 2025

Jenis Perbelanjaan	2023	2024	2024				2025		1H	1H
			ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	2024	2025
Penggunaan akhir swasta	4.6	5.1	4.7	5.7	4.7	5.3	5.0	5.3	5.2	5.2
Penggunaan akhir kerajaan	3.4	4.7	7.3	1.8	6.0	4.0	4.3	6.4	4.5	5.3
Pembentukan modal tetap kasar	5.4	12.0	9.6	11.5	15.3	11.8	9.7	12.1	10.6	10.9
Eksport	-7.9	8.3	4.2	8.5	11.7	8.7	4.1	2.6	6.4	3.3
Import	-6.8	8.2	5.2	9.0	13.0	5.9	3.1	6.6	7.1	4.9
Eksport bersih	-22.2	9.2	-8.3	0.3	-5.3	63.6	19.6	-72.6	-4.6	-22.5
KDNK	3.5	5.1	4.2	5.9	5.4	4.9	4.4	4.4	5.0	4.4

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Ekonomi Malaysia menunjukkan tanda-tanda penyederhanaan, dengan Indeks Pelopor (IP) meningkat marginal 0.04 peratus tahun ke tahun kepada 113.7 mata pada Mei 2025, didorong terutamanya oleh Import Benar Semi Konduktor (19.1%), diikuti oleh Bilangan Syarikat Baru Berdaftar (15.9%). Walau bagaimanapun, penurunan dalam empat komponen lain menjadikan peningkatan keseluruhan agak sederhana. Pada asas bulanan, IP juga meningkat sebanyak 0.1 peratus, disokong oleh kenaikan 0.5 peratus dalam Bilangan Unit Kediaman yang Diluluskan Pembinaan. Melihat kepada arah aliran jangka panjang terlicin pada Mei 2025, IP kekal berada di bawah 100.0 mata. Namun begitu, prospek ekonomi Malaysia dijangka kekal menyederhana dalam masa terdekat, disokong oleh pelonggaran dasar monetari yang berpotensi merangsang permintaan domestik dan menggalakkan pelaburan swasta meskipun berdepan ketidakpastian global.

Carta 1: Indeks Pelopor (2015=100) dan Kitaran Perniagaan (Kawasan Berlorek Kelabu), Januari 1991 hingga Mei 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 2: Indeks Komposit Pelopor (Arah Aliran Jangka Panjang = 100) dan Kitaran Perniagaan (Kawasan Berlorek Kelabu), Januari 1991 hingga Mei 2025




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Peniaga menjangkakan persekitaran perniagaan mereda pada suku tahun ketiga 2025, ditunjukkan oleh petunjuk keyakinan yang kekal positif pada paras +0.1 peratus, mencerminkan optimisme berterusan daripada +2.0 peratus yang dicatatkan pada suku tahun sebelumnya (**Carta 1**). Bagi tempoh Julai hingga Disember 2025, prospek perniagaan kekal optimis dengan imbalan bersih +9.9 peratus berbanding +10.9 peratus pada separuh tahun sebelumnya. Sektor Perkhidmatan terus menunjukkan daya tahan yang konsisten apabila meningkat sedikit kepada imbalan bersih +19.5 peratus berbanding +18.3 peratus. Sektor Pembinaan turut mencatatkan unjuran yang bertambah baik dengan imbalan bersih +14.5 peratus berbanding +13.1 peratus. Pada masa yang sama, sektor Perindustrian menjangkakan persekitaran perniagaan yang menggalakkan dengan imbalan bersih +11.1 peratus berbanding +12.0 peratus pada tempoh terdahulu. Namun begitu, sektor Perdagangan Borong dan Runcit merekodkan imbalan bersih -10.5 peratus, lebih rendah berbanding -4.8 peratus sebelum ini (**Carta 2**).


Petunjuk Keyakinan Perniagaan peringkat negeri mencerminkan kebimbangan yang semakin meningkat, dengan beberapa negeri mengalami penurunan ketara walaupun terdapat peningkatan di lain-lain negeri. Sentimen positif dicatatkan di Johor (+0.5%), Negeri Sembilan (+6.5%), Perlis (+6.6%), Selangor (+5.0%), Terengganu (+17.1%), Sabah (+8.2%), Sarawak (+2.4%), W.P. Kuala Lumpur (+1.6%), dan W.P. Putrajaya (+3.1%). Sebaliknya, Kedah (-1.6%), Kelantan (-3.9%), Melaka (-8.4%), Pahang (-1.2%), Pulau Pinang (-14.3%), Perak (-11.1%), dan Labuan (-4.6%) mencatatkan bacaan negatif seperti ditunjukkan dalam **Carta 3**.

Carta 3: Petunjuk Keyakinan Suku Tahunan, Malaysia, 2022 – 2025




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 4: Imbangan Bersih Jangkaan Prestasi Perniagaan bagi Enam Bulan Akan Datang, Malaysia, 2022 - 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 5: Petunjuk Keyakinan Negeri bagi Suku Tahun Ketiga 2025, Malaysia



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

KAJIAN PENGUKURAN PELANCONGAN LESTARI DI MALAYSIA

Khairul Aidah Samah, Khamsiah Mat Zin
Bahagian Perangkaan Akaun Negara, DOSM

PENDAHULUAN

Sektor pelancongan sedang mengalami pemulihan yang ketara selepas pandemik COVID-19. Sebagai contoh, di Malaysia, ketibaan pelawat antarabangsa meningkat 100 peratus pada tahun 2023, menyumbang kepada jumlah penggunaan pelancongan sebanyak RM75.8 bilion, mencatatkan peningkatan 124.3 peratus berbanding tahun sebelumnya (DOSM, TSA 2023). Walaupun pelancongan menawarkan manfaat yang signifikan dan memainkan peranan penting dalam ekonomi global, aktiviti pengunjung dan pengeluaran berkaitan pelancongan juga boleh membawa kepada pelbagai kesan negatif (Archer, Cooper, & Ruhanen, 2005; Dodds & Butler, 2009). Salah satu kesan negatif yang paling ketara ialah impaknya terhadap alam sekitar, kerana aktiviti berkaitan pelancongan sangat intensif dalam penggunaan tenaga dan air (United Nations Conference on Trade and Development [UNCTAD], 2013).

Sektor pelancongan menyumbang kira-kira 1 peratus daripada penggunaan air global, namun cabaran utama berlaku di peringkat tempatan, di mana destinasi pelancongan berhadapan persaingan dalam mendapatkan sumber air (Ossling, 2002). Di kawasan yang mempunyai sumber air semulajadi terhad tetapi sektor pelancongan berkembang pesat, seperti Sepanyol, yang merupakan negara yang menerima ketibaan pelancong di dunia (7%) (UNWTO, 2022), cabaran serius timbul akibat ketersediaan air per kapita yang rendah (2.35 m³) berbanding purata dunia (5.5 m³) (The World Bank, 2020). Situasi ini tidak dapat bertahan lama dan menimbulkan konflik di antara pelbagai kumpulan berkepentingan (pelancong, penduduk tempatan, sektor pertanian, kawasan pembekalan dan penerimaan air, dll.) (Cole dan Browne, 2015; Garcia dan Servera, 2003; Gössling, 2001; Saurí et al., 2013).

Kajian ini memberi tumpuan kepada pembangunan kaedah untuk menghubungkan dimensi alam sekitar dengan sektor pelancongan dari segi statistik. Dimensi alam sekitar merangkumi pengukuran aliran input semula jadi ke dalam proses pengeluaran pelancongan, seperti aliran air dan tenaga, serta aliran sisa yang terhasil daripada pengeluaran dan penggunaan pelancongan termasuk pelepasan gas rumah hijau GHG, sisa pepejal, air sisa dan pencemar lain (SF-MST, ms. 19-20). Dalam kajian ini, pengukuran berdasarkan *Statistical Framework for Measuring the Sustainability of Tourism* (SF-MST) lebih tertumpu kepada penggunaan air dan tenaga dalam industri pelancongan.


Statistical Framework for Measuring the Sustainability of Tourism (SF-MST)

Pelancongan boleh memberi pelbagai kesan terhadap ekonomi, alam semula jadi dan binaan, penduduk tempatan di destinasi yang dikunjungi serta para pelancong sendiri. Memandangkan kepelbagaian kesan pelancongan dan melibatkan ramai pihak berkepentingan, pendekatan menyeluruh untuk mengukur pelancongan adalah amat penting. Dalam konteks ini, UN Tourism Committee on Statistics telah melancarkan program *Measuring the Sustainability of Tourism* (MST) pada tahun 2016. Inisiatif ini mengintegrasikan pengukuran ekonomi, alam sekitar dan sosial merentas pelbagai peringkat (global, nasional dan subnasional). Dengan kerjasama negara-negara peneraju, United Nations Statistics Division (UNSD) International Labour Organization (ILO) dan rakan kerjasama lain, MST telah berkembang menjadi satu proses reka bentuk bersama serta mencapai kesefahaman yang bertujuan membangunkan metrik yang lebih bermakna dan setara bagi sektor ini.

SF-MST adalah model konseptual komprehensif yang dibangunkan untuk membantu dalam pengumpulan dan penyampaian data berkaitan kelestarian pelancongan. Tujuannya adalah untuk menyusun maklumat mengenai kesan ekonomi, alam sekitar dan sosial pelancongan secara bersepadu, dengan mengambil kira perbezaan merentas pelbagai peringkat, dari peringkat tempatan hingga antarabangsa.

Rajah 1 menunjukkan skop dan fungsi umum SF-MST, dengan memfokuskan kepada peranannya dalam menilai dimensi ekonomi, alam sekitar dan sosial pelancongan. Rangka kerja ini dibangunkan untuk digunakan di semua peringkat, dari destinasi tempatan hingga ke peringkat global.

Paparan 1a: Liputan dan Peranan SF-MST



Sumber: Statistical Framework for Measuring the Sustainability of Tourism (SF-MST):
Draf Akhir disediakan oleh UNWTO

METODOLOGI

Pengukuran pelancongan lestari dalam artikel ini akan memberi tumpuan kepada penggunaan sumber secara berlebihan, seperti air dan tenaga, oleh pelawat dan industri pelancongan. Anggaran MST dalam artikel ini merangkumi kedua-dua pelancongan antarabangsa dan domestik, penggunaan air serta penggunaan tenaga daripada elektrik dan petroleum.

Sumber air merupakan input penting dalam operasi pelbagai aktiviti pelancongan. Bagi tujuan penilaian kelestarian alam sekitar, penggunaan air dalam sektor pelancongan adalah hasil darab antara perbelanjaan pelancongan (*Tourism Expenditure* - TE) oleh pelawat antarabangsa dan domestik bagi tahun (t) dengan pekali teknikal untuk input air (*Technical Coefficient for Water Inputs* - TC_{water}) bagi industri tertentu daripada Jadual Penawaran dan Penggunaan (SUT) 2015, kemudian dibahagikan dengan harga runcit purata air setiap meter padu (*P_{air}*) bagi tahun tersebut.

Input alam sekitar kedua yang signifikan dalam aktiviti pelancongan adalah tenaga. Penggunaan tenaga dalam pelancongan daripada penggunaan elektrik dan petroleum adalah hasil darab antara perbelanjaan pelancongan (TE) pelawat inbound dan domestik untuk tahun (t) dengan pekali teknikal bagi input elektrik (TC_{tenaga}) dan input petroleum (TC_{tenaga}) bagi industri tertentu berdasarkan SUT 2015, kemudian dibahagikan dengan purata harga runcit elektrik per kilowatt-jam (KWh) dan petroleum per liter, pada tahun berkenaan. Kemudian, penggunaan tenaga daripada penggunaan elektrik dalam KWh dan petroleum dalam liter akan ditukar kepada KTOE menggunakan faktor penukaran.

Penggunaan air dalam pelancongan:

$$WC_t = \frac{1}{P_{air_t}} \left\{ \sum_{i=j=1}^5 [(TE_{i,t}) \cdot (TC_{air_j,2015})] \right\}$$

Penggunaan tenaga dalam pelancongan:

$$EC_t = \frac{1}{P_{tenaga_t}} \left\{ \sum_{i=j=1}^5 [(TE_{i,t}) \cdot (TC_{tenaga_j,2015})] \right\}$$

Dimana:

i merujuk kepada item perbelanjaan, iaitu:

1. Perkhidmatan penginapan bagi pelawat
2. Makanan dan minuman
3. Pengangkutan penumpang
4. Agensi pelancongan
5. Perkhidmatan hiburan dan rekreasi

dan,

j merujuk kepada industri dalam ekonomi yang berkaitan dengan setiap item perbelanjaan, iaitu:

1. Penginapan
2. Makanan dan minuman
3. Pengangkutan (pengangkutan darat, air dan udara)
4. Perkhidmatan perniagaan
5. Kesenian, hiburan dan rekreasi

Data yang digunakan dalam penyusunan anggaran awal MST diperoleh terutamanya daripada Akaun Satelit Pelancongan Malaysia (TSA), Jadual Penawaran dan Penggunaan (SUT) 2015, purata harga air, elektrik dan petroleum.

PENEMUAN


Sektor pelancongan adalah pemacu ekonomi yang signifikan namun ia juga memberi tekanan yang besar terhadap sumber semula jadi. Analisis ini mengkaji corak penggunaan air dan tenaga dalam industri pelancongan dari tahun 2019 hingga 2023, serta mengenal pasti trend dan isu yang memerlukan perhatian.

Penemuan awal menunjukkan jumlah penggunaan air pelancongan mencapai 124.4 juta meter padu (m³) pada tahun 2023, meningkat 59.2 peratus daripada 78.2 juta m³ yang dicatatkan pada tahun sebelumnya (Carta 1a). Penggunaan air kekal rendah selepas pandemik COVID-19, menunjukkan kesan pelancongan terhadap alam sekitar adalah lebih kecil berbanding tahun 2019.

Dari segi sumbangan mengikut produk berasaskan ciri pelancongan, Makanan dan minuman mencatatkan penggunaan air tertinggi di kalangan produk pelancongan dengan jumlah 43.5 juta m³ atau 35.0 peratus daripada jumlah keseluruhan penggunaan air pelancongan pada tahun 2023. Ini diikuti oleh Penginapan penumpang dan Pengangkutan dengan sumbangan masing-masing sebanyak 27.4 peratus dan 18.9 peratus (Carta 1b).

Carta 1a:


**Penggunaan Air dalam Pelancongan, 2019-2023
(dalam juta meter padu)**



Sumber: Pengiraan penulis

Carta 1b:

**Peratus Penggunaan Air dalam Pelancongan,
2023**




Sumber: Pengiraan penulis

Jumlah penggunaan tenaga daripada penggunaan elektrik dan petroleum dalam sektor pelancongan mencapai 2,813.8 KTOE pada tahun 2023, peningkatan 97.5 peratus berbanding 1,424.7 KTOE yang direkodkan pada tahun 2022 (Carta 1c). Pengangkutan penumpang untuk pelawat mencatatkan sumbangan tertinggi penggunaan tenaga dalam produk berasaskan ciri pelancongan pada tahun 2023, menyumbang 69.3 peratus daripada jumlah keseluruhan penggunaan tenaga pelancongan hasil daripada penggunaan Elektrik dan Petroleum. Ini diikuti oleh Penginapan dengan sumbangan 16.2 peratus pada tahun 2023 (Carta 1d).

Carta 1c:


Penggunaan Tenaga dalam Pelancongan, 2019-2023 (dalam KTOE)



Sumber: Pengiraan penulis

Carta 1d:

Peratus Penggunaan Tenaga dalam Pelancongan, 2023



Sumber: Pengiraan penulis

KESIMPULAN

SF-MST akan berfungsi sebagai struktur organisasi yang menyediakan pemahaman bersama mengenai konsep, definisi dan terminologi berkaitan. Ia akan menggabungkan pelbagai sumber data untuk memberikan gambaran yang konsisten dan koheren tentang kelestarian pelancongan dari semasa ke semasa yang membolehkan perbandingan antara destinasi dan negara yang berbeza.

SF-MST untuk Malaysia merupakan akaun alam sekitar pembangunan pelancongan yang disusun oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Usaha ini bertujuan untuk menyediakan maklumat berguna ke arah mencapai keseimbangan yang optimum antara aspek ekonomi, alam sekitar dan sosial dalam pembangunan pelancongan. Kajian ini perlu diperluaskan khususnya berkaitan kesan pelepasan GHG terhadap aktiviti pelancongan dengan matlamat akhir meningkatkan pemahaman mengenai impak alam sekitar oleh industri pelancongan khususnya melalui pengukuran pelepasan pelancongan.

RUJUKAN

Final Draft: Statistical Framework for Measuring the Sustainability of Tourism 2024

UNEP & UNWTO, 2005: 11-12. *Making Tourism More Sustainable – A Guide for Policy Makers*

Cooper, C. P., Ruhanen, L. M., and Archer, B. (2005). The positive and negative impacts of tourism. *Global Tourism*. Edited by William. F. Theobald. Oxford, UK: Butterworth-Heinemann.79-102.

Dodds, R., & Butler, R. (2009). Barriers to implementing sustainable tourism policy in mass tourism destinations.

Tourism Satellite Account: Recommended Methodological Framework 2008

System of Environment Economic Accounting 2012 (Applications and Extensions)

System of Environment Economic Accounting 2012 (Experimental Ecosystem Accounting

Guide to Sustainable Tourism: Challenges and Criteria for the Tourism Sector's Evaluation Regarding the 2030 Agenda

PRESTASI SEKTORAL

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA SIRI 8/2025

KDNK MALAYSIA

ST2 2025: 4.4%

ST1 2025: 4.4%



Pertumbuhan ST2 2025



Sumbangan ST2 2025

Perkhidmatan

5.1%
59.8%



Pembuatan

3.7%
23.1%



Perlombongan & pengkuarian

-5.2%
5.4%



Pertanian

2.1%
6.1%



Pembinaan

12.1%
4.3%



PENGELUARAN



Pengeluaran Buah Tandan Segar (Kelapa Sawit)

Jul 2025 : 9,290,715 tan metriks ▼ -2.5%
Jun 2025 : 8,793,681 tan metriks ▲ 1.7%



Pengeluaran Getah Asli

Jun 2025 : 25,679 tan metriks ▼ -14.1%
Mei 2025 : 24,256 tan metriks ▼ -5.3%



Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)

ST2 2025 : ▲ 2.0%
ST1 2025 : ▲ 2.3%



Nilai Jualan Sektor Pembuatan

ST2 2025 : RM480.2 b ▲ 3.4%
ST1 2025 : RM475.6 b ▲ 4.0%



Hasil Sektor Perkhidmatan

ST2 2025 : RM641.4 b ▲ 5.7%
ST1 2025 : RM630.0 b ▲ 6.0%



Indeks Volum Perkhidmatan

ST2 2025 : ▲ 5.1%
ST1 2025 : ▲ 5.3%

SEKTOR LUARAN



Eksport

ST2 2025 : RM381.7 b ▲ 3.3%
ST1 2025 : RM378.4 b ▲ 4.3%



Import

ST2 2025 : RM367.4 b ▲ 9.0%
ST1 2025 : RM337.3 b ▲ 2.8%

TENAGA BURUH



Bilangan Penduduk Bekerja

ST2 2025 : 16.85 mil persons ▲ 2.9%
ST1 2025 : 16.70 mil persons ▲ 3.0%



Kadar Pengangguran

ST2 2025 : 3.0%
ST1 2025 : 3.1%

HARGA



Indeks Harga Pengguna (IHP)

ST2 2025 : ▲ 1.3%
ST1 2025 : ▲ 1.5%



Indeks Harga Pengeluar (IHPR)

ST2 2025 : ▼ -3.7%
ST1 2025 : ▼ -0.3%

b: bilion

Perubahan Peratusan: Tahun ke Tahun

Sumber: Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia, Siri 8/ 2025,
Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



@StatsMalaysia



20 Oktober


2016 - 2030

PERTANIAN

Kelapa Sawit

Pengeluaran buah tandan segar pada Julai 2025 meningkat sebanyak 5.7 peratus kepada 9,290,715 tan metrik berbanding Jun 2025 (8,793,681 tan metrik) (Carta 1). Namun begitu, pada asas tahun ke tahun, pengeluaran mencatatkan penurunan 2.5 peratus berbanding Julai 2024 (9,525,968 tan metrik).

Carta 6: Pengeluaran Buah Tandan Segar, Januari 2024 – Julai 2025



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Purata hasil buah tandan segar oleh estet-estet kelapa sawit pada Julai 2025 meningkat 5.5 peratus kepada 1.53 tan metrik/ha berbanding Jun 2025 (1.45 tan metrik/ha) (Jadual 1). Purata hasil buah tandan segar oleh estet-estet yang beroperasi di Semenanjung Malaysia meningkat 13.2 peratus kepada 1.89 tan metrik/ha (Jun 2025: 1.67 tan metrik/ha) dan Sabah / Sarawak menurun 2.4 peratus kepada 1.24 tan metrik/ha (Jun 2025: 1.27 tan metrik/ha).


Jadual 3: Purata Penghasilan Buah Tandan Segar Mengikut Wilayah, Januari 2024 – Julai 2025 (Tan metrik/Ha)

Wilayah	2024												2025						
	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul
Malaysia	1.25	1.09	1.17	1.27	1.43	1.40	1.56	1.65	1.57	1.55	1.42	1.34	1.15	1.06	1.20	1.48	1.48	1.45	1.53
Semenanjung Malaysia	1.29	1.16	1.30	1.43	1.66	1.61	1.81	1.89	1.76	1.63	1.51	1.38	1.16	1.08	1.26	1.64	1.64	1.67	1.89
Sabah/ Sarawak	1.22	1.03	1.07	1.14	1.25	1.23	1.36	1.45	1.42	1.48	1.35	1.30	1.14	1.05	1.15	1.35	1.36	1.27	1.24

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Pengeluaran minyak sawit mentah dan isirung sawit masing-masing meningkat 7.1 peratus (Julai 2025: 1,812,417 tan metrik, Jun 2025: 1,692,370 tan metrik) dan 8.8 peratus (Julai 2025: 431,615 tan metrik, Jun 2025: 396,879 tan metrik). Begitu juga, minyak isirung sawit mentah dan dedak isirung sawit mencatatkan peningkatan 13.3 peratus (Julai 2025: 218,239 tan metrik, Jun 2025: 192,665 tan metrik) dan 11.8 peratus (Julai 2025: 238,511 tan metrik, Jun 2025: 213,398 tan metrik).


Carta 7: Pengeluaran Produk Utama Kelapa Sawit, Januari 2024 – Julai 2025



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Eksport minyak sawit meningkat 3.8 peratus (Julai 2025: 1,309,059 tan metrik, Jun 2025: 1,260,930 tan metrik). Eksport minyak isirung sawit dan dedak isirung sawit masing-masing turut mencatatkan trend peningkatan sebanyak 3.7 peratus (Julai 2025: 90,028 tan metrik, Jun 2025: 86,814 tan metrik) dan 34.0 peratus (Julai 2025: 254,239 tan metrik, Jun 2025: 189,774 tan metrik).


Carta 8: Eksport Produk Utama Minyak Sawit, Januari 2024 – Julai 2025



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Import minyak sawit menurun 12.8 peratus kepada 61,039 tan metrik pada Julai 2025 berbanding 70,015 tan metrik yang direkodkan pada bulan sebelumnya. Sementara itu, import minyak isirung sawit meningkat 105.6 peratus kepada 24,516 tan metrik (Jun 2025: 11,926 tan metrik).

**Carta 9: Import mengikut Produk Kelapa Sawit,
Januari 2024 – Julai 2025**



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia


Pada Julai 2025, eksport minyak sawit Malaysia meningkat 3.8 peratus kepada 1.3 juta tan, disokong oleh peningkatan pengeluaran MSM (+7.1%) dan isirung sawit (+8.8%). Inventori keseluruhan meningkat 4.0 peratus kepada 2.11 juta tan, walaupun stok MSM susut 2.0 peratus. Eksport oleokimia melonjak 22.3 peratus, sementara biodiesel meningkat 1,662.3 peratus. Manakala import MSM dan minyak isirung sawit masing-masing mencatat kenaikan kepada 7,816 tan dan 24,516 tan.

Sumber: 'Eksport minyak sawit Malaysia melonjak kepada 1.3 juta tan bulan lalu – MPOB', BH online 11 Ogos 2025

Prestasi Getah Asli Jun 2025

Pengeluaran getah asli meningkat 5.9 peratus pada Jun 2025 (25,679 tan metrik) berbanding Mei 2025 (24,256 tan metrik) seperti pada Carta 1. Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan pengeluaran getah asli menurun 14.1 peratus (Jun 2024: 29,881 tan metrik).

Carta 10: Pengeluaran Getah Asli, Januari 2024 – Jun 2025




Sumber: Lembaga Getah Malaysia

Sektor pekebun kecil merupakan penyumbang utama kepada pengeluaran getah asli pada Jun 2025 iaitu 84.7 peratus (21,754 tan metrik) dan selebihnya adalah daripada sektor estet, 15.3 peratus (3,925 tan metrik). Perbandingan bulan ke bulan bagi pengeluaran di sektor pekebun kecil meningkat 3.7 peratus dan sektor estet juga mencatatkan peningkatan 19.6 peratus. Manakala pengeluaran sektor pekebun kecil menurun 16.9 peratus dan pengeluaran di estet menunjukkan peningkatan 6.1 peratus berbanding Jun 2024.

Analisis harga purata bulanan menunjukkan Lateks Pekat merekodkan penurunan iaitu 9.0 peratus (Jun 2025: 558.66 sen sekilogram; Mei 2025: 613.80 sen sekilogram) manakala Sekerap menurun 7.0 peratus (Jun 2025: 564.13 sen sekilogram; Mei 2025: 606.67 sen sekilogram). Trend harga bagi semua jenis Getah Mutu Malaysia (G.M.M) pula menunjukkan penurunan antara 8.9 peratus dan 10.7 peratus. The World Bank Commodity Price Data melaporkan harga bagi getah jenis TSR 20 (Technically Specified Rubber) menurun 5.4 peratus (daripada USD1.70/kg kepada USD1.61/kg) dan SGP/MYS (Singapura/Malaysia) menurun 1.5 peratus (daripada USD2.19/kg kepada USD2.16/kg).

Carta 11: Harga Purata Bulanan Bagi Getah Asli, Jun 2025




Sumber: Lembaga Getah Malaysia

PERTANIAN

Jumlah stok getah asli pada Jun 2025 menurun 11.4 peratus kepada 164,189 tan metrik berbanding 185,324 tan metrik pada Mei 2025. Perbandingan tahun ke tahun stok getah asli meningkat 2.4 peratus berbanding 160,352 tan metrik yang dicatatkan pada Jun 2024.


Carta 12: Stok Getah Asli, Januari 2024 – Jun 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penggunaan domestik getah asli menunjukkan 4.6 peratus kepada 19,312 tan metrik berbanding 20,251 tan metrik pada Mei 2025. Penggunaan tahunan juga menunjukkan penurunan 6.4 peratus (Jun 2024: 20,632 tan metrik).

Carta 13: Penggunaan Domestik, Januari 2024 – Jun 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 29,719 tan metrik pada Jun 2025, menurun 17.3 peratus berbanding Mei 2025 (35,939 tan metrik). China terus kekal sebagai destinasi utama untuk eksport getah asli iaitu menyumbang 33.9 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada Jun 2025 diikuti Jerman (18.1%), Emiriah Arab Bersatu (9.6%), Amerika Syarikat (7.3%) dan India (3.8%).

Prestasi eksport disumbangkan oleh produk berasaskan getah asli seperti sarung tangan getah, tayar, tiub dan benang getah. Sarung tangan getah merupakan eksport utama produk berasaskan getah dengan nilai RM1.2 billion pada Jun 2025, menurun 1.7 peratus berbanding Mei 2025 (RM1.3 billion). Negara eksport utama sarung tangan getah ialah Amerika Syarikat (16,759.7 tan metrik), Jepun (1,992.7 tan metrik) dan Jerman (1,725.1 tan metrik) seperti pada Jadual 4.

Jadual 4: 10 Negara Eksport Tertinggi Sarung Tangan Getah, Mei 2025 dan Jun 2025

Negara	Kuantiti (Tan metrik)		Nilai (RM juta)	
	Februari 2025	Mac 2025	Februari 2025	Mac 2025
United States	20,676.9	21,148.2	545,013.0	597,386.4
Turkiye	2,209.4	4,022.2	46,304.2	50,991.9
China	2,687.3	2,902.1	57,019.4	55,728.3
Japan	2,210.2	2,619.8	68,029.1	78,343.8
United Kingdom	1,382.5	2,091.7	36,019.2	51,600.7
Germany	2,083.4	2,004.5	53,415.1	53,723.3
India	1,612.5	1,298.5	23,765.7	18,453.3
Canada	1,027.8	1,199.7	29,908.2	35,324.0
Korea, Republic of	1,014.4	1,101.9	27,509.0	29,075.4
Italy	706.0	906.8	17,007.1	21,034.7


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Menurut Malaysia Rubber Board Digest keluaran Jun 2025, Pasaran Getah Kuala Lumpur dibuka bercampur-campur sepanjang Jun 2025 dengan harga SMR 20 meningkat sedikit disokong oleh aliran menaik dalam pasaran hadapan getah serantau di tengah-tengah peningkatan kebimbangan terhadap bekalan bahan mentah getah asli yang semakin berkurangan berikutan keadaan cuaca buruk di negara pengeluar utama Thailand. Sentimen pasaran meningkat oleh data ekonomi China yang positif ditambah pula dengan unjuran optimis oleh Persatuan Negara Pengeluar Getah Asli (ANRPC) mengenai permintaan getah asli (NR) dan kenaikan harga minyak mentah.

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)

Indeks Pengeluaran Perindustrian mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 3.0 peratus pada Jun 2025 berbanding 0.3 peratus pada bulan sebelumnya. Peningkatan ini didorong oleh pertumbuhan positif dalam sektor Pembuatan, yang berkembang sebanyak 3.6 peratus (Mei 2025: 2.8%), terutamanya disokong oleh industri berorientasikan domestik. Selain itu, sektor Elektrik meningkat 4.1 peratus (Mei 2025: -0.1%). Walau bagaimanapun, sektor Perlombongan terus mencatatkan penurunan, tetapi pulih dengan ketara kepada -0.01 peratus (Mei 2025: -10.2%). Berbanding dengan bulan sebelumnya, IPP mencatatkan pertumbuhan positif yang signifikan sebanyak 7.6 peratus, berbanding 1.1 peratus yang dicatatkan pada bulan sebelumnya.

Carta 14: Indeks Pengeluaran Perindustrian, Tahun ke Tahun (%), Januari 2024 – Jun 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Pada Jun 2025, industri berorientasikan domestik berkembang 5.1 peratus, meningkat daripada pertumbuhan 2.6 peratus yang dicatatkan pada Mei 2025. Prestasi ini disokong oleh peningkatan dua digit 11.3 peratus dalam Pembuatan produk pemprosesan makanan, di samping pertumbuhan dalam Pembuatan logam asas (6.7%) dan Pembuatan kenderaan bermotor, treler dan separa treler (3.4%). Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, industri berorientasikan domestik menguncup 3.1 peratus berbanding 1.0 peratus yang dicatatkan pada bulan sebelumnya.

Sementara itu, industri berorientasikan eksport mencatatkan pertumbuhan stabil 2.9 peratus, sama seperti peningkatan yang direkodkan pada bulan sebelumnya. Pertumbuhan yang stabil ini terutamanya disebabkan oleh Pembuatan mesin dan kelengkapan t.t.t. dan Pembuatan peralatan elektrik masing-masing merekodkan pertumbuhan 9.3 peratus dan 7.1 peratus. Sebaliknya, Pembuatan komputer, produk elektronik dan optik dan Pembuatan minyak dan lemak sayuran & haiwan masing – masing mencatatkan penurunan 5.9 peratus dan 8.5 peratus. Ini selaras dengan prestasi eksport negara yang masih mencatatkan penyusutan -4.2 peratus pada Jun 2025, selepas mula merekodkan pertumbuhan negatif pada Mei 2025. Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, industri berorientasikan eksport meningkat dua digit 11.9 peratus daripada 5.3 peratus pada Mei 2025.

Pertumbuhan pengeluaran dalam sektor Perlombongan kekal dalam jajaran negatif, tetapi menunjukkan pemulihan ketara kepada -0.01 peratus pada Jun 2025 (Mei 2025: -10.2%), disokong oleh peningkatan 2.3 peratus dalam pengeluaran Gas Asli. Sebaliknya, Minyak Mentah & Kondensat terus menurun, mencatatkan penguncupan sebanyak -3.2 peratus. Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, indeks Perlombongan pulih semula dengan ketara, meningkat 15.8 peratus berbanding -12.8 peratus pada Mei 2025. Sementara itu, penjaan Elektrik meningkat 4.1 peratus tahun ke tahun pada Jun 2025 (Mei 2025: -0.1%). Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, indeks Elektrik menguncup kepada negatif 3.0 peratus (Mei 2025: 7.4%).

Berdasarkan prestasi beberapa negara lain, IPP tumbuh dengan kukuh, termasuk Taiwan (18.6%), Vietnam (10.8%), Singapura (8.0%) dan China (6.8%). Sementara itu, IPP tumbuh sederhana bagi Jepun (4.0%), Korea Selatan (1.6%), Amerika Syarikat (0.7%) dan Thailand (0.6%) pada Jun 2025.

Carta 15: Indeks Pengeluaran Perindustrian, Tahun ke Tahun (%), ST1 2022- ST2 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada suku tahun kedua 2025, IPP tumbuh pada kadar yang lebih perlahan 2.0 peratus berbanding 2.3 peratus yang dicatatkan pada suku tahun pertama 2025. Peningkatan ini disokong oleh pertumbuhan 3.9 peratus dalam sektor Pembuatan dan peningkatan 0.7 peratus dalam sektor Elektrik. Walau bagaimanapun, IPP bagi sektor Perlombongan mencatatkan penurunan -5.5 peratus. Berdasarkan perbandingan suku tahun ke suku tahun, IPP mencatatkan negatif 1.5 peratus.


Bagi tempoh Januari hingga Jun 2025, IPP berkembang 2.2 peratus berbanding 3.7 peratus pada tempoh yang sama tahun 2024. Pertumbuhan ini disokong oleh sektor Pembuatan (4.0%), manakala sektor Perlombongan dan Elektrik masing-masing menyusut 4.3 peratus dan 0.5 peratus.

Pembuatan

Nilai jualan sektor Pembuatan meningkat 3.3 peratus tahun ke tahun (Mei 2025: 2.4%), disumbangkan oleh subsektor Makanan, minuman & tembakau dengan pertumbuhan dua digit sebanyak 14.7 peratus pada Jun 2025 (Mei 2025: 13.0%). Pertumbuhan ini turut disokong oleh subsektor Produk elektrik & elektronik dan Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam rekaan, masing-masing meningkat 4.5 peratus (Mei 2025: 4.4%) dan 3.0 peratus (Mei 2025: 3.7%). Pada tempoh yang sama, nilai jualan meningkat 1.6 peratus, mencecah RM161.2 bilion daripada RM158.6 bilion yang dicatatkan pada bulan sebelumnya.

Pertumbuhan nilai jualan dalam industri berorientasikan eksport yang menyumbang 72.5 peratus daripada jumlah jualan, meningkat 2.4 peratus pada Jun 2025 (Mei 2025: 2.1%). Prestasi ini terutamanya didorong oleh peningkatan dalam Pembuatan minyak & lemak sayuran & haiwan yang meningkat 15.9 peratus (Mei 2025: 14.1%). Sementara itu, Pembuatan komputer, elektronik & produk optik berkembang 3.8 peratus (Mei 2025: 4.2%), dan Pembuatan mesin dan kelengkapan t.t.t. meningkat 10.5 peratus (Mei 2025: 7.7%). Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, industri berorientasikan eksport pulih semula kepada 4.1 peratus (Mei 2025: -0.4%).

Carta 16: Nilai Jualan Sektor Pembuatan, Januari 2024 – Jun 2025




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Begitu juga, industri berorientasikan domestik melonjak 5.6 peratus pada Jun 2025, selepas meningkat 3.0 peratus pada Mei 2025. Prestasi ini disokong oleh pertumbuhan kukuh dalam Pembuatan produk pemprosesan makanan 14.0 peratus pada Jun 2025 (Mei 2025: 12.8%), serta Pembuatan logam asas (6.2%) dan Pembuatan produk logam rekaan, kecuali jentera & kelengkapan (2.2%). Walau bagaimanapun, industri berorientasikan domestik merosot 4.4 peratus berbanding bulan sebelumnya.

Sejumlah 2.39 juta pekerja direkodkan dalam sektor ini pada Jun 2025, meningkat 1.0 peratus (Mei 2025: 0.9%). Peningkatan ini terutamanya didorong oleh subsektor Makanan, minuman & tembakau (2.2%); Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam rekaan (1.3%); dan Produk elektrik & elektronik (1.1%). Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, bilangan pekerja dalam sektor ini menurun -0.3 peratus.

Seiring dengan itu, gaji & upah yang dibayar dalam sektor Pembuatan juga mencatatkan peningkatan 1.6 peratus (Mei 2025: 1.5%), berjumlah RM8.3 bilion pada Jun 2025. Selain itu, gaji & upah yang dibayar meningkat 0.2 peratus berbanding RM8.3 bilion yang direkodkan pada bulan sebelumnya. Seterusnya, nilai jualan bagi setiap pekerja mencatatkan RM67,387 (2.3%), manakala purata gaji & upah bagi setiap pekerja berjumlah RM3,482, meningkat 0.7 peratus tahun ke tahun.

Carta 17: Nilai Jualan Sektor Pembuatan, ST1 2022 – ST2 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Bagi suku tahun kedua 2025, jualan sektor Pembuatan mencecah RM480.2 bilion, mencerminkan pertumbuhan 3.4 peratus (S1 2025: 4.0%). Peningkatan ini terutamanya disumbangkan oleh subsektor Makanan, minuman & tembakau (12.9%); dan Produk elektrik & elektronik (6.0%). Tambahan, bilangan pekerja dan gaji & upah sepanjang suku tahun ini masing-masing meningkat 1.0 peratus (S1 2025: 1.1%) dan 1.8 peratus (S1 2025: 1.8%).

Bagi separuh tahun pertama (Januari – Jun 2025), nilai jualan sektor Pembuatan berjumlah RM955.8 bilion, meningkat 3.7 peratus berbanding tempoh yang sama tahun 2024 (Januari – Jun 2024: 3.7%). Bilangan pekerja meningkat 1.0 peratus kepada 2.39 juta orang, manakala gaji dan upah meningkat sebanyak 1.8 peratus kepada RM50.2 bilion. Sementara itu, nilai jualan bagi setiap pekerja berjumlah RM399,545, meningkat 2.7 peratus.

Perkhidmatan

Sektor Perkhidmatan Malaysia terus mengekalkan momentum pertumbuhan positif pada suku kedua tahun 2025 dengan mencatatkan prestasi kukuh merentasi segmen utama. Hasil sektor meningkat kepada RM641.4 bilion, iaitu pertumbuhan 5.7 peratus tahun ke tahun (**Carta 18**). Sementara itu, Indeks Volum Perkhidmatan meningkat sebanyak 5.1 peratus kepada 159.9 mata, sekali gus mencerminkan permintaan yang berterusan serta daya ketahanan sektor. Secara suku tahunan, hasil meningkat sebanyak 1.8 peratus, manakala indeks volum mencatatkan pertambahan sebanyak 1.1 peratus.

Carta 18: Hasil dan Indeks Volum Sektor Perkhidmatan, Tahun ke Tahun (%), ST1 2022 – ST2 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Analisis Prestasi Hasil mengikut Segmen

Pada suku kedua tahun 2025, segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman serta Penginapan berkembang 4.9 peratus tahun ke tahun kepada RM484.0 bilion (**Jadual 5**). Sementara itu, Indeks Volum bagi segmen ini meningkat 5.0 peratus kepada 160.2 mata (**Jadual 6**). Prestasi ini didorong terutamanya oleh peningkatan perjalanan domestik di seluruh negara yang menggalakkan perbelanjaan pengguna yang lebih tinggi. Cuti umum dan perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri, Hari Wesak, Pesta Kaamatan, Hari Gawai, Hari Pekerja, Hari Raya Aidiladha serta cuti sekolah turut menyokong perbelanjaan isi rumah dan aktiviti pelancongan. Pada masa yang sama, peningkatan ketibaan pelawat antarabangsa turut memperkukuh pertumbuhan segmen ini.

Subsektor Makanan & Minuman mencatat pertumbuhan kukuh, dengan hasil bertambah 9.1 peratus tahun ke tahun kepada RM20.4 bilion. Indeks Volum bagi subsektor ini meningkat 7.3 peratus kepada 141.7 mata berbanding tempoh yang sama pada tahun 2024. Subsektor Penginapan merekodkan pertumbuhan tertinggi, apabila hasil meningkat 14.1 peratus kepada RM4.6 bilion, manakala Indeks Volum melonjak 13.6 peratus kepada 180.6 mata.

Bagi segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan, hasil meningkat 6.0 peratus kepada RM89.4 bilion berbanding suku yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh subsektor Pengangkutan & Penyimpanan yang berkembang 9.0 peratus. Dalam subsektor ini, aktiviti pengangkutan darat dan udara masing-masing meningkat 8.6 peratus dan 9.0 peratus, disokong oleh pertumbuhan 10.3 peratus dalam trafik penumpang udara. Aktiviti penyimpanan dan perkhidmatan sokongan turut mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 9.7 peratus, manakala perkhidmatan pos dan kurier meningkat 8.4 peratus. Prestasi ini mencerminkan peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan pengangkutan dan logistik seiring dengan peluasan aktiviti ekonomi domestik serta pertumbuhan e-dagang. Sementara itu, subsektor Maklumat & Komunikasi merekodkan pertumbuhan sederhana sebanyak 3.3 peratus. Dari segi Indeks Volum, segmen keseluruhan meningkat 5.4 peratus, dengan subsektor Pengangkutan & Penyimpanan naik 8.4 peratus manakala subsektor Maklumat & Komunikasi bertambah 3.4 peratus.

Segmen Kesihatan Swasta, Pendidikan Swasta, Kesenian, Hiburan & Rekreasi dan Perkhidmatan Persendirian & Lain-lain Aktiviti menjana hasil sebanyak RM24.6 bilion pada suku tahun ini, iaitu peningkatan 12.8 peratus berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini didorong oleh subsektor Kesihatan Swasta yang meningkat 15.8 peratus tahun ke tahun. Sementara itu, subsektor Kesenian, Hiburan & Rekreasi turut mencatatkan pertumbuhan ketara 13.1 peratus, manakala subsektor Pendidikan Swasta meningkat 9.5 peratus. Secara keseluruhan, Indeks Volum bagi segmen ini meningkat 7.7 peratus.

Hasil bagi segmen Profesional, Hartanah dan Perkhidmatan Pentadbiran & Sokongan pula meningkat 9.9 peratus tahun ke tahun, disokong oleh pertumbuhan kukuh dalam subsektor Perkhidmatan Pentadbiran & Sokongan (10.3%) dan subsektor Profesional (8.5%). Subsektor Perkhidmatan Profesional terus mencatat permintaan yang stabil, khususnya dalam bidang kejuruteraan, reka bentuk seni bina dan ukur tanah, seiring dengan pelaksanaan aktiviti pembangunan dan infrastruktur yang berterusan. Subsektor Hartanah merekodkan pertumbuhan dua digit iaitu 11.8 peratus, yang terutamanya disokong oleh pembangunan perumahan yang aktif. Sementara itu, subsektor Perkhidmatan Pentadbiran & Sokongan didorong oleh peningkatan 13.6 peratus dalam aktiviti agensi pelancongan, susulan peningkatan ketibaan pelancong antarabangsa yang lebih tinggi serta peningkatan perjalanan keluar negara oleh rakyat Malaysia, khususnya semasa musim haji. Aktiviti pentadbiran pejabat, sokongan dan perkhidmatan berkaitan perniagaan lain turut meningkat 19.0 peratus, disokong oleh perluasan aktiviti perniagaan dan peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan pengurusan acara luar seperti aktiviti pengurusan acara dan *meetings, incentives, conventions, and exhibitions* (MICE).

**Jadual 5: Hasil Sektor Perkhidmatan mengikut Segmen, Tahun ke Tahun (%),
ST1 2025 dan ST2 2025**

Segmen	Suku Tahun	Hasil (RM '000)	YoY
Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan	ST2 2025	483,966,320	4.9
	ST1 2025	475,713,447	5.3
Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan	ST2 2025	89,415,170	6.0
	ST1 2025	87,924,080	5.9
Profesional, Hartanah dan Perkhidmatan Khidmat & Sokongan	ST2 2025	43,407,845	9.9
	ST1 2025	42,607,987	10.4
Kesihatan Swasta, Pendidikan Swasta, Kesenian, Hiburan & Rekreasi dan Perkhidmatan Persendirian dan Lain-lain Aktiviti	ST2 2025	24,622,526	12.8
	ST1 2025	23,758,825	11.1

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


**Jadual 6: Indeks Volum Perkhidmatan (2015=100) mengikut Segmen, Tahun ke Tahun (%),
ST1 2025 dan ST2 2025**

Segmen	Suku Tahun	Indeks Volum	YoY
Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan	ST2 2025	160.2	5.0
	ST1 2025	157.3	4.8
Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan	ST2 2025	176.9	5.4
	ST1 2025	174.6	5.9
Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan	ST2 2025	150.9	4.2
	ST1 2025	152.2	5.1
Perkhidmatan Lain	ST2 2025	136.6	7.7
	ST1 2025	132.8	6.2

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pendapatan e-Dagang pada suku tahun ini mencatatkan nilai sebanyak RM313.8 bilion, bertumbuh 1.1 peratus tahun ke tahun berbanding suku yang sama tahun sebelumnya. Bagi perbandingan suku tahun ke suku tahun, pendapatan e-Dagang meningkat 0.9 peratus (**Carta 19**).

Carta 19: Pendapatan e-Dagang, ST1 2022 – ST2 2025)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jumlah pekerja dalam sektor Perkhidmatan pada suku tahun ini adalah seramai 4.6 juta orang iaitu meningkat 2.1 peratus tahun ke tahun. Peningkatan ini disumbangkan oleh segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan yang menunjukkan peningkatan 2.1 peratus untuk merekodkan seramai 3.0 juta orang dan diikuti oleh segmen Profesional, Hartanah dan Perkhidmatan Khidmat & Sokongan yang meningkat 1.1 peratus. Bagi suku tahun ke suku tahun, bilangan pekerja bertumbuh 0.6 peratus, pertambahan seramai 28.8 ribu orang (**Jadual 7**).

Jadual 7: Bilangan Pekerja dalam Sektor Perkhidmatan mengikut Segmen, Tahun ke Tahun (%), ST1 2025 dan ST2 2025

Segmen	Suku Tahun	Pekerja	YoY
Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan	ST2 2025	3,015,210	2.1
	ST1 2025	2,994,150	1.9
Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan	ST2 2025	539,283	3.3
	ST1 2025	534,760	3.1
Kesihatan Swasta, Pendidikan Swasta, Kesenian, Hiburan & Rekreasi dan Perkhidmatan Persendirian dan Lain-lain Aktiviti	ST2 2025	410,060	1.4
	ST1 2025	408,160	1.3
Profesional, Hartanah dan Perkhidmatan Khidmat & Sokongan	ST2 2025	591,550	1.1
	ST1 2025	590,255	1.1

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada suku tahun ini, gaji dan upah yang dalam sektor Perkhidmatan meningkat 4.2 peratus tahun ke tahun dengan merekodkan sejumlah RM34.0 bilion. Kenaikan ini disumbangkan oleh segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan dan Kesihatan Swasta, Pendidikan Swasta, Kesenian, Hiburan & Rekreasi dan Perkhidmatan Persendirian dan Lain-lain Aktiviti yang masing-masing meningkat sebanyak 4.4 peratus dan 4.3 peratus (**Jadual 8**).

Jadual 8: Jumlah Gaji & Upah (RM '000) dalam Sektor Perkhidmatan mengikut Segmen, Tahun ke Tahun (%), ST1 2025 dan ST2 2025

Segmen	Suku Tahun	Gaji & Upah (RM'000)	YoY
Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan	ST2 2025	17,674,963	4.4
	ST1 2025	17,475,178	4.2
Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan	ST2 2025	5,581,116	4.2
	ST1 2025	5,522,311	4.1
Kesihatan Swasta, Pendidikan Swasta, Kesenian, Hiburan & Rekreasi dan Perkhidmatan Persendirian dan Lain-lain Aktiviti	ST2 2025	3,370,810	4.3
	ST1 2025	3,327,432	4.0
Profesional, Hartanah dan Perkhidmatan Khidmat & Sokongan	ST2 2025	7,368,591	4.0
	ST1 2025	7,292,070	4.0

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prospek bagi Suku Tahun Ketiga 2025

Menjelang suku ketiga tahun 2025, Sektor Perkhidmatan Malaysia diunjurkan mengekalkan pertumbuhan positif dari tahun ke tahun, dipacu oleh beberapa faktor utama. Permintaan pengguna yang kukuh serta aliran masuk berterusan ketibaan pelancong antarabangsa dijangka akan merancakkan lagi aktiviti berasaskan pelancongan dan perdagangan runcit. Pada masa yang sama, kemunculan Malaysia sebagai hab pelaburan pusat data dijangka menjadi pemangkin utama yang menyokong prestasi sektor ini.

Perdagangan Barangan


Prestasi tahunan perdagangan Malaysia bagi suku tahun kedua (ST2) 2025 menyaksikan peningkatan 6.1 peratus dalam jumlah dagangan. Eksport dan import masing-masing mencatatkan pertumbuhan berbanding ST2 2024, dengan eksport meningkat 3.4 peratus dan import melonjak 9.0 peratus. Namun begitu, lebihan dagangan mencatat penyusutan ketara 55.3 peratus. Berbanding suku tahun pertama 2025, jumlah perdagangan, eksport, import dan imbalan dagangan merekodkan pertumbuhan masing-masing dengan 3.6 peratus, 4.3 peratus, 2.8 peratus dan 18.6 peratus.

Meninjau dari perspektif bulanan, jumlah dagangan Malaysia kembali menunjukkan trend penurunan pada Jun 2025, susut 1.2 peratus daripada RM237.8 bilion pada bulan yang sama tahun sebelumnya kepada RM234.9 bilion. Penurunan ini dipacu oleh kejatuhan eksport 3.5 peratus walaupun import mencatatkan peningkatan marginal 1.2 peratus. Sementara itu, lebihan dagangan menyusut 40.1 peratus daripada tahun lalu kepada RM8.6 bilion. Dari segi perbandingan bukan ke bulan, jumlah dagangan, eksport dan import masing-masing merosot 7.0 peratus, 3.9 peratus dan 10.1 peratus. Walaupun begitu, lebihan dagangan mencatatkan peningkatan ketara 1,030.7 peratus.

Dari perspektif rakan dagangan, prestasi eksport Malaysia pada ST2 2024 mengekalkan trend positif, yang didorong terutamanya oleh peningkatan ke Amerika Syarikat (AS), meningkat RM9.1 bilion, disusuli oleh Taiwan (+RM5.3 bilion), Mexico (+RM3.5 bilion) dan Kesatuan Eropah (EU) (+RM1.5 bilion). Selari dengan prestasi eksport, import turut memaparkan trend prestasi meningkat, dengan peningkatan ketara khususnya dari AS (+RM16.8 bilion), diikuti oleh China (+RM11.1 bilion), Taiwan (+RM11.0 bilion) dan Republik Korea (+RM1.3 bilion). Pada ST2 2025, Perdagangan Malaysia terus dipacu oleh lima rakan dagangan utama iaitu China, AS, Singapura, Taiwan dan EU, di mana secara kolektif menyumbang 54.3 peratus daripada jumlah perdagangan (ST2 2024: 55.7%).

Eksport barangan Malaysia kekal memberangsangkan, mencatat pertumbuhan tahunan 3.4 peratus pada ST2 2025, meningkat daripada RM369.3 bilion pada suku tahun yang sama tahun sebelumnya kepada RM381.8 bilion. Prestasi positif ini didorong terutamanya oleh Barangan elektrik & elektronik (E&E) dan Minyak kelapa sawit & hasil keluaran berasaskan minyak kelapa sawit yang menunjukkan pertumbuhan stabil sejak ST2 2024, merekodkan peningkatan masing-masing RM19.6 bilion (+13.2%) dan RM3.2 bilion, (+11.6%) seperti di **Carta 20**. Sementara itu, eksport Keluaran petroleum bertapis terus merekodkan kejatuhan selama sembilan suku tahun berturut-turut, susut daripada RM29.6 bilion pada ST2 2024 kepada RM22.7 bilion bersamaan kadar pertumbuhan negatif 23.3 peratus. Secara keseluruhan, Barangan E&E, Minyak kelapa sawit & hasil keluaran berasaskan minyak kelapa sawit dan Keluaran petroleum bertapis merupakan produk eksport utama Malaysia pada ST2 2025, dengan sumbangan agregat 57.9 peratus (ST2 2024: 55.5%).


Carta 20: Perubahan Peratusan Tahunan (%) 10 Barangan Utama dan Terpilih bagi Eksport Malaysia, ST2 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Import barangan Malaysia terus mencatatkan trend positif pada ST2 2025, meningkat 9.0 peratus kepada RM367.4 bilion berbanding RM336.9 bilion pada ST2 2024. Pertumbuhan ini telah dipacu terutamanya oleh import Barangan E&E, dengan mencatat pertumbuhan dua angka bagi dua suku tahun berturut-turut (+RM39.5 bilion, +37.5%). Beberapa barangan lain turut menunjukkan pemulihan dan menyumbang kepada prestasi peningkatan termasuklah Alat & perkakas mengukur, memeriksa, menganalisis & kawalan (+RM673.0 juta; +13.8%), Emas, bukan bentuk wang (+RM111.8 juta; +1.8%) dan Alat ganti & aksesori bagi traktor, motorkar & lain-lain kenderaan darat bermotor (+RM67.6 juta; +1.5%) seperti di **Carta 21**. Sebaliknya, import Keluaran petroleum bertapis kekal dengan trend penyusutan dua angka bagi tiga suku tahun berturut-turut, menyusut 26.3 peratus pada ST2 2025 mencecah RM22.0 bilion berbanding RM29.8 bilion pada ST2 2024. Secara keseluruhan, Barangan E&E, Keluaran petroleum bertapis dan Petroleum mentah menjadi penyumbang utama kepada import barangan Malaysia pada ST2 2025, dengan sumbangan kumulatif 48.9 peratus (ST2 2024: 45.6%).

Carta 21: Perubahan Peratusan Tahunan (%) 10 Barangan Utama dan Terpilih bagi Import Malaysia, ST2 2025




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi perdagangan Malaysia kembali menunjukkan perkembangan yang memberangsangkan pada Julai 2025, dengan pertumbuhan tahunan 3.8 peratus. Eksport melonjak 6.8 peratus, manakala import merekodkan peningkatan secara sederhana 0.6 peratus. Sehubungan itu, imbalan dagangan bertambah kukuh, dengan peningkatan 120.7 peratus berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya mencecah RM15.0 bilion, lebih dagangan tertinggi dicatatkan dalam tahun 2025. Dari segi perbandingan bulanan, jumlah dagangan, eksport, import dan lebih dagangan masing-masing mencatatkan pertumbuhan positif 13.2 peratus, 15.4 peratus, 10.9 peratus dan 74.3 peratus.

Perdagangan Malaysia pada suku tahun kedua 2025 memperlihatkan sedikit prestasi naik turun perdagangan luar yang banyak dipengaruhi oleh situasi ekonomi global. Sungguhpun begitu, prestasi hubungan perdagangan dengan rakan dagang utama Malaysia secara keseluruhannya masih menunjukkan isyarat positif bagi tempoh ST2 2025 ini seperti pada **Carta 22**.

Carta 22: Perubahan Peratusan Tahunan (%) bagi Eksport dan Import 10 Rakan Dagangan Utama Malaysia, ST2 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Statistik perdagangan antarabangsa mengikut negeri bagi ST2 2025 menunjukkan jumlah dagangan meningkat RM43.7 bilion atau 6.2 peratus kepada RM749.2 bilion, tahun ke tahun. Peningkatan jumlah dagangan disumbangkan oleh Pulau Pinang, meningkat sebanyak RM43.8 bilion (+23.8%) diikuti oleh Selangor RM17.3 bilion (+11.2%), W.P. Kuala Lumpur RM5.9 bilion (+13.9%), Perak RM526.4 juta (+2.8%), Sabah RM408.3 juta (+3.7%) dan Kelantan RM74.5 juta (+4.7%). Walaubagaimanapun, jumlah dagangan menurun di Kedah RM5.3 bilion (-15.2%), Johor RM5.0 bilion (-3.2%), Sarawak RM4.2 bilion (-12.4%), Negeri Sembilan RM3.7 bilion (-19.1%), Terengganu RM3.0 bilion (-37.1%), Pahang RM2.8 bilion (-19.4%), Melaka RM2.0 bilion (-10.8%), W.P. Labuan RM309.9 juta (-13.4%) dan Perlis RM36.5 juta (-5.3%).

Jumlah eksport meningkat sebanyak RM13.1 bilion atau 3.5 peratus kepada RM381.8 bilion berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Peningkatan eksport dipengaruhi oleh eksport yang lebih tinggi di Pulau Pinang (+RM28.2 bilion), Selangor (+RM2.2 bilion), Melaka (+RM937.2 juta), Sabah (+RM222.6 juta), Perlis (+RM13.8 juta) dan Kelantan (+RM5.3 juta). Walau bagaimanapun, eksport menurun di Johor (-RM5.6 bilion), Sarawak (-RM3.7 bilion), Kedah (-RM3.6 bilion), W.P. Kuala Lumpur (-RM2.7 bilion), Terengganu (-RM2.4 bilion), Pahang (-RM491.5 juta), W.P. Labuan (-RM209.2 juta), Negeri Sembilan (-RM183.7 juta) dan Perak (-RM76.1 juta).

Pada tempoh yang sama, import meningkat RM30.6 bilion atau 9.1 peratus kepada RM367.4 bilion. Peningkatan import disebabkan oleh import yang lebih tinggi di Pulau Pinang (+RM15.7 bilion), Selangor (+RM15.0 bilion), W.P. Kuala Lumpur (+RM8.6 bilion), Perak (+RM602.5 juta), Johor (+RM510.1 juta), Sabah (+RM185.7 juta) dan Kelantan (+RM69.2 juta). Walau bagaimanapun, nilai import menurun di Negeri Sembilan (-RM3.5 bilion), Melaka (-RM2.9 bilion), Pahang (-RM2.3 bilion), Kedah (-RM1.7 bilion), Terengganu (-RM629.5 juta), Sarawak (-RM534.8 juta), W.P. Labuan (RM100.7 juta) dan Perlis (-RM50.3 juta).

Lima negeri kekal menguasai eksport negara dengan menyumbang 84.3 peratus daripada jumlah eksport. Pulau Pinang menyumbang sebagai pengeksporth utama dengan sumbangan 37.4 peratus, diikuti oleh Johor (19.2%), Selangor (18.0%), Sarawak (6.0%) dan W.P. Kuala Lumpur (3.6%). Sementara itu, bagi import, Selangor merupakan penyumbang utama dengan 27.9 peratus, diikuti oleh Pulau Pinang (23.2%), Johor (21.2%), W.P. Kuala Lumpur (9.3%) dan Kedah (4.9%).

Paparan 1: Eksport dan Import mengikut Negeri, ST2 2024 dan ST2 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota:

1. Aktiviti eksport dan import yang berlaku di kawasan Supra (merangkumi aktiviti pengeluaran yang melangkaui pusat kepentingan ekonomi utama bagi mana-mana negeri) atau periklanan yang dilakukan oleh ejen penghantar tidak termasuk dalam infografik ini.
2. Nilai eksport dan import bagi W.P. Kuala Lumpur adalah termasuk W.P. Putrajaya.


Imbangan Pembayaran

Imbangan Akaun Semasa (CAB) Malaysia merekodkan lebih yang lebih rendah pada RM0.3 bilion pada suku tahun kedua (ST2 2025) berbanding RM4.3 bilion pada suku tahun yang sama tahun sebelumnya. Lebihan ini disokong terutamanya oleh eksport bersih bagi akaun Barangan (**Carta 23**).

Akaun barangan mencatatkan eksport bersih RM17.0 bilion pada suku tahun kedua 2025 berbanding RM24.0 bilion bagi suku tahun yang sama pada tahun 2024. Eksport barangan meningkat kepada RM281.6 bilion pada suku kedua 2025 (Q2 2024: RM278.5 bilion). Eksport utama barangan dari Malaysia adalah Elektrik & elektronik, Produk petroleum serta Minyak sawit & produk pertanian berasaskan minyak sawit, kepada rakan dagang terutamanya ke Singapura, Amerika Syarikat (USA) dan China.

Sementara itu, nilai import barangan turut meningkat kepada RM264.6 bilion pada suku tahun kedua 2025 (ST2 2024: RM254.5 bilion). Penyumbang utama bagi peningkatan import ialah Barangan perantaraan, Barangan modal dan Barangan penggunaan terutamanya dari China, USA dan Singapura.

Carta 23: Akaun Semasa, 2021 – 2024 dan ST1 2022 – ST2 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Akaun perkhidmatan mencatatkan defisit yang lebih rendah sebanyak RM3.3 bilion pada ST2 2025 berbanding RM3.7 bilion semasa ST2 2024. Prestasi yang lebih baik bagi akaun ini disumbangkan oleh lebihan yang lebih tinggi dalam Perjalanan dan defisit yang lebih rendah dalam Perkhidmatan perniagaan lain.

Eksport perkhidmatan berkembang sebanyak 8.3 peratus tahun ke tahun kepada RM63.7 bilion, manakala import meningkat sebanyak 7.1 peratus berjumlah RM67.0 bilion. Perjalanan mencatatkan eksport tertinggi iaitu RM25.9 bilion, diikuti oleh Perkhidmatan perniagaan lain (RM12.2 bilion) dan Pengangkutan (RM8.7 bilion). Import perkhidmatan pula disumbangkan terutamanya oleh Pengangkutan (RM16.7 bilion), Perjalanan (RM14.4 bilion) dan Perkhidmatan perniagaan lain (RM14.2 bilion).

Jadual 9: Ringkasan Imbangan Pembayaran, ST2 2024 dan ST2 2025

	ST2 2025	ST2 2024
Imbangan Akaun Semasa	Lebihan RM0.3b	Lebihan RM4.3b
Barangan	Lebihan RM17.0b	Lebihan RM24.0b
Perkhidmatan	Defisit RM3.3b	Defisit RM3.7b
Pendapatan Primer	Defisit RM8.9b	Defisit RM14.8b
Pendapatan Sekunder	Defisit RM4.6b	Defisit RM1.2b
Akaun Kewangan	Aliran keluar bersih RM2.2b	Aliran masuk bersih RM26.6b
Aset Rizab (pada akhir)	RM510.0b	RM537.2b

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Akaun Pendapatan Primer merekodkan defisit yang lebih kecil sebanyak RM8.9 bilion pada suku kedua 2025 (ST2 2025: RM14.8 bilion) seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 9**. Peningkatan ini disebabkan oleh pendapatan yang lebih rendah diperoleh syarikat asing di Malaysia.

Sementara itu, akaun Pendapatan Sekunder mencatatkan defisit yang lebih tinggi RM4.6 bilion pada ST2 2025 berbanding RM1.2 bilion pada suku yang sama tahun sebelumnya. Pelebaran defisit ini disebabkan oleh pembayaran yang lebih tinggi ke luar negara dan penerimaan yang rendah ke dalam negara.


Prestasi Pelaburan

Bagi suku kedua 2025, Pelaburan langsung mencatatkan aliran masuk bersih sebanyak RM2.2 bilion berbanding RM10.5 bilion dalam suku yang sama tahun sebelumnya.

Pelaburan Langsung Asing (FDI) di Malaysia merekodkan aliran masuk bersih sebanyak RM1.6 bilion pada ST2 2025 (ST2 2024: RM9.6 bilion), disokong oleh suntikan ekuiti yang berterusan, sebahagiannya diimbangi oleh aliran keluar dalam pendapatan yang dilabur semula dan instrumen hutang (**Carta 24**). Kebanyakan aliran masuk FDI disalurkan ke sektor Perkhidmatan, khususnya dalam subsektor Aktiviti Kewangan serta Maklumat & Komunikasi, terutamanya yang berkaitan dengan aktiviti pusat data. Pelabur utama FDI adalah dari Singapura, Jepun dan United Kingdom.

Pelaburan terkumpul untuk FDI berada pada jumlah RM1,002.0 bilion pada akhir suku tahun kedua 2025 berbanding RM957.1 bilion dalam suku yang sama pada tahun 2024. Sektor Perkhidmatan kekal sebagai penerima utama dengan nilai RM547.8 bilion, diikuti oleh Pembuatan RM385.4 bilion dan Perlombongan & pengkuarian RM41.9 bilion. Sumber utama bagi kedudukan FDI adalah daripada Asia, khususnya dari negara Singapura dan Hong Kong.

Carta 24: Pelaburan Langsung Asing di Malaysia, 2021 – 2024 and ST1 2022 – ST2 2025




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sementara itu, **Pelaburan Langsung di Luar Negara (DIA)** oleh pelabur Malaysia mencatatkan aliran masuk bersih RM0.6 bilion daripada aliran keluar bersih RM0.9 bilion dalam tempoh yang sama tahun sebelumnya (**Carta 25**). Aliran masuk ini terutama disumbangkan oleh pelaburan dalam sektor Pembuatan dan Perkhidmatan, dengan sebahagian besarnya tertumpu kepada subsektor Maklumat & komunikasi. Indonesia, Arab Saudi dan Singapura merupakan penyumbang utama kepada aliran masuk DIA pada suku ini.

Kedudukan DIA Malaysia mencatatkan RM622.5 bilion pada akhir ST2 2025, daripada RM642.1 bilion pada tahun sebelumnya. Sektor Perkhidmatan merupakan penyumbang utama kepada kedudukan DIA, diikuti oleh sektor Perlombongan & pengkuarian dan sektor Pertanian. Dari segi taburan mengikut rantau, Asia mencatatkan penyumbang terbesar, dengan Singapura dan Indonesia merupakan destinasi utama.

Carta 25: Aliran Pelaburan Langsung Luar Negeri (DIA) di Malaysia, ST1 2022 – ST2 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada akhir ST2 2025, Kedudukan Pelaburan Antarabangsa Malaysia (IIP) mencatatkan aset bersih yang lebih tinggi sebanyak RM63.1 bilion berbanding RM59.6 bilion pada suku yang sama pada tahun sebelumnya. Jumlah kedudukan aset kewangan bernilai RM2.56 trilion, manakala jumlah liabiliti adalah sebanyak RM2.50 trilion. Selain itu, Rizab Antarabangsa Malaysia berjumlah RM510.0 bilion pada akhir Jun 2025.

Senario Buruh


Anggaran Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Awalan Malaysia mencatatkan pertumbuhan sebanyak 4.5 peratus pada suku tahun kedua 2025, sedikit meningkat berbanding 4.4 peratus pada suku tahun pertama 2025. Prestasi ini didorong oleh pertumbuhan kukuh dalam sektor Perkhidmatan dan Pembuatan. Pertumbuhan dalam sektor Pembinaan dan Pertanian turut menunjukkan tren peningkatan. Walau bagaimanapun, sektor Perlombongan dan Pengkuarian terus mencatatkan kemerosotan. Pada asas suku tahun ke suku tahun, ekonomi berkembang sebanyak 1.0 peratus, selepas pulih daripada penurunan sebanyak 3.5 peratus yang direkodkan pada suku tahun sebelumnya.

Pada suku tahun kedua 2025, permintaan eksport yang kukuh bagi produk elektrik dan elektronik (E&E) Malaysia, khususnya semikonduktor, telah mendorong pertumbuhan tenaga buruh negara walaupun berdepan ketidaktentuan global. Pelaburan asing turut meningkat, termasuk syarikat Jepun yang telah membuka kemudahan pembuatan baharu di Pasir Gudang, Johor. Dalam masa yang sama, sebanyak RM20 juta telah dilaburkan untuk meningkatkan kemahiran 5,000 rakyat Malaysia melalui program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) berfokuskan teknologi. Usaha ini berjaya meningkatkan pekerjaan, mengurangkan pengangguran dan membentuk tenaga buruh yang lebih dinamik serta berdaya tahan.

Penawaran Buruh

Pada suku tahun kedua 2025, bilangan penduduk bekerja mencatatkan peningkatan sebanyak 0.9 peratus secara suku tahunan (+146.0 ribu orang) kepada 16.85 juta orang (ST1 2025: 16.70 juta orang). Pada asas tahunan, penduduk bekerja meningkat sebanyak 2.9 peratus atau bersamaan dengan 480.7 ribu orang berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya (ST2 2024: 16.37 juta orang). Nisbah guna tenaga kepada penduduk yang mengukur keupayaan ekonomi untuk mewujudkan pekerjaan, meningkat sebanyak 0.1 mata peratus kepada 68.7 peratus (ST1 2025: 68.6%) (**Carta 26**).

Carta 26: Penduduk Bekerja dan Nisbah Guna Tenaga kepada Penduduk, ST1 2022 – ST2 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Nota: ' Bermula suku tahun pertama 2024, Statistik Tenaga Buruh dianggar berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia

Pemahaman yang komprehensif berkenaan pasaran buruh memerlukan analisis indikator tambahan di samping indikator pengangguran. Oleh itu, indikator bekerja kurang daripada 30 jam seminggu, guna tenaga tidak penuh berkaitan masa dan guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran dapat memberi lebih banyak gambaran mengenai kedudukan penawaran buruh Malaysia selaras dengan situasi semasa.

Bekerja kurang daripada 30 jam seminggu merujuk kepada mereka yang bekerja kurang daripada 30 jam pada minggu rujukan disebabkan keadaan kerja atau kerana kerja tidak mencukupi. Pada ST2 2025, bilangan pekerja tersebut menurun sebanyak 0.7 peratus kepada 241.0 ribu orang (ST1 2025: 242.7 ribu orang). Peratusan pekerja yang bekerja kurang daripada 30 jam seminggu berbanding jumlah keseluruhan pekerja mencatatkan 1.4 peratus pada suku tahun ini, berkurangan sebanyak 0.1 mata peratus berbanding suku tahun lepas (ST1 2025: 1.5%).

Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa atau mereka yang bekerja kurang daripada 30 jam seminggu serta mampu dan sanggup menerima tambahan jam bekerja pada minggu rujukan, berkurang kepada 141.0 ribu orang pada ST2 2025. Kategori ini merangkumi 0.8 peratus daripada jumlah keseluruhan tenaga kerja berbanding suku tahun sebelumnya (ST1 2025: 146.9 ribu orang; 0.9%) (**Carta 27**).

Carta 27: Penduduk Bekerja Kurang dari 30 Jam Seminggu dan Guna Tenaga Tidak Penuh Berkaitan Masa, ST1 2022 – ST1 2025




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota: ^r Bermula suku tahun pertama 2024, Statistik Tenaga Buruh dianggar berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia

Seterusnya, **guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran** yang terdiri daripada mereka yang berpendidikan tertiar tetapi bekerja dalam kategori separuh mahir dan berkemahiran rendah, meningkat sebanyak 0.1 peratus atau bersamaan dengan pertambahan 1.9 ribu orang, merekodkan 1.96 juta orang. Sementara itu, kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran terhadap jumlah penduduk bekerja berpendidikan tertiar menurun sebanyak 0.1 mata peratus kepada 35.6 peratus (ST1 2025: 35.7%) (**Carta 28**).

Carta 28: Guna Tenaga Tidak Penuh Berkaitan Kemahiran, ST1 2022 – ST1 2025




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota: ^r Bermula suku tahun pertama 2024, Statistik Tenaga Buruh dianggar berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia

Bilangan penganggur terus berkurang sebanyak 1.0 peratus, bersamaan dengan pengurangan 5.4 ribu orang kepada 520.9 ribu orang pada ST2 2025 berbanding suku tahun lepas (ST1 2025: 526.3 ribu orang). Oleh itu, kadar pengangguran pada suku tahun ini menurun sedikit kepada 3.0 peratus berbanding 3.1 peratus pada suku tahun sebelumnya. Perbandingan secara tahunan, menunjukkan kadar pengangguran turut menurun sebanyak 0.2 mata peratus, bersamaan dengan pengurangan 23.7 ribu orang (ST2 2024: 544.6 ribu orang; 3.2%)(**Carta 4**).

Carta 29: Penganggur dan Kadar Pengangguran, ST1 2022 – ST1 2025




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota: Bermula suku tahun pertama 2024, Statistik Tenaga Buruh dianggar berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia

Permintaan Buruh

Analisis prestasi keseluruhan permintaan buruh pada ST2 2025 menunjukkan bahawa semua indikator terus menunjukkan trend meningkat yang mencerminkan pasaran buruh yang berdaya tahan dan stabil. Jumlah jawatan meningkat sebanyak 1.6 peratus tahun ke tahun kepada 9,097 ribu jawatan (ST2 2024: 8,955 ribu). Daripada jumlah ini, 8,902 ribu adalah jawatan yang telah diisi, mengekalkan kadar pengisian jawatan pada 97.9 peratus. Pada masa yang sama, kadar kekosongan juga kekal pada 2.1 peratus, bersamaan dengan 194.9 ribu kekosongan, meningkat daripada 191.5 ribu pada ST2 2024. Selain itu, jawatan yang diwujudkan meningkat secara marginal sebanyak 0.2 peratus tahun ke tahun, mencecah 31.9 ribu. **(Carta 30).**

Carta 30: Jawatan dan Kadar jawatan Diisi & Kekosongan Jawatan, ST1 2022 – ST1 2025




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota: Bermula suku tahun pertama 2024, Statistik Tenaga Buruh dianggar berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia

Berdasarkan kepada pecahan mengikut kategori kemahiran, kategori separuh mahir merangkumi peratus sumbangan terbesar bagi jawatan diisi dengan 62.5 peratus atau bersamaan 5,564 ribu jawatan diisi dengan kadar sebanyak 98.1 peratus. Ini diikuti oleh kategori mahir dengan 2,241 ribu jawatan diisi, menyumbang 25.2 peratus, manakala kategori berkemahiran rendah mempunyai 1,097 ribu jawatan diisi dengan 12.3 peratus. Mengikut aktiviti ekonomi, sektor Perkhidmatan mendominasi jawatan diisi dengan 53.0 peratus, merangkumi 4,721 ribu jawatan diisi diikuti oleh sektor Pembuatan dan Pembinaan, masing-masing mencatatkan 26.8 peratus (2,383 ribu) dan 14.0 peratus (1,249 ribu) jawatan diisi **(Carta 31.)**


Carta 31: Jawatan Diisi mengikut Kemahiran, ST1 2022 – ST1 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Bagi kekosongan jawatan mengikut kategori kemahiran pula, kategori separuh mahir mencatatkan sumbangan terbesar iaitu 56.2 peratus dengan 109.5 ribu kekosongan, diikuti kategori mahir dan berkemahiran rendah, masing-masing dengan 24.6 peratus (48.0 ribu) dan 19.2 peratus (37.4 ribu). Dari segi aktiviti ekonomi, sektor Pembuatan merekodkan sumbangan terbesar dengan 57.7 peratus atau bersamaan dengan 112.4 ribu jawatan yang belum diisi. Seterusnya adalah sektor Pertanian dengan 16.3 peratus, dengan jumlah 31.8 ribu, diikuti oleh sektor Pembinaan dengan 13.0 peratus (25.2 ribu) (**Carta 32**).


Carta 32: Kekosongan Jawatan mengikut Kemahiran, ST1 2022 – ST1 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Dari segi kategori kemahiran untuk pewujudan jawatan pada ST1 2025, pewujudan jawatan didominasi oleh kategori separuh mahir, merangkumi 62.5 peratus atau bersamaan dengan 20.8 ribu jawatan baharu, diikuti oleh kategori mahir dengan 26.9 peratus (8.9 ribu). Sementara itu, kategori berkemahiran rendah menyumbang 10.6 peratus, dengan 3.5 ribu pewujudan jawatan baharu. Sektor Perkhidmatan mencatatkan sumbangan tertinggi bagi pewujudan jawatan dengan 48.1 peratus (16.0 ribu) diikuti oleh sektor Pembuatan dan Pembinaan, masing-masing dengan 36.5 peratus (12.1 ribu) dan 10.8 peratus (3.6 ribu) (**Carta 33**).

Carta 33: Pewujudan Jawatan mengikut Kemahiran, ST1 2022 – ST1 2025




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Produktiviti Buruh

Pada ST2 2025, produktiviti buruh per jam bekerja menunjukkan peningkatan 3.4 peratus (ST1 2025: 2.2%), dengan nilai ditambah per jam bekerja sebanyak RM43.2 setiap jam (ST1 2025: RM43.0 setiap jam), manakala jumlah jam bekerja meningkat 1.0 peratus kepada 9.7 bilion jam (ST1 2025: 2.1%; 9.7 bilion jam) (**Carta 34**).


Carta 34: Produktiviti Buruh per Jam Bekerja, ST1 2022 – ST1 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Dalam pada itu, produktiviti buruh per pekerja meningkat 2.8 peratus pada ST2 2025 untuk merekodkan nilai ditambah per pekerja sebanyak RM24,887 seorang (ST1 2025: 2.5%; RM24,866 seorang), disokong oleh peningkatan 1.6 peratus jumlah pekerja kepada 16.8 juta orang (ST1 2025: 1.8%; 16.7 juta orang) (**Carta 35**).

Carta 35: Produktiviti Buruh per Pekerja, ST1 2022 – ST1 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pasaran buruh negara pada ST2 2025 terus menunjukkan momentum pertumbuhan yang semakin menggalakkan. Peningkatan golongan penduduk bekerja akan turut meningkatkan pendapatan dan seterusnya perbelanjaan isi rumah. Ini secara langsung merancakkan permintaan terhadap barangan dan perkhidmatan, yang seterusnya membantu perniagaan untuk berkembang dan menyokong kepada pertumbuhan ekonomi. Di samping itu, permintaan domestik yang meningkat, produktiviti buruh yang lebih tinggi, peluang pekerjaan yang bertambah dan pelaburan yang berkembang luas, khususnya dalam sektor berteknologi tinggi, teknologi pembuatan termaju, teknologi hijau dan pelaburan strategik juga merupakan antara faktor yang meletakkan pasaran buruh negara untuk berada di kedudukan yang stabil. Walaupun terdapat cabaran seperti migrasi bakat, ketegangan perdagangan global dan inflasi, dasar kerajaan dan dasar ekonomi yang memfokuskan kepada digitalisasi, latihan teknikal dan insentif pelaburan dijangka akan menyokong kesinambungan pertumbuhan jangka sederhana dan panjang dalam pasaran buruh.


Indeks Harga Pengguna

